

IB IIIP 1

# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian

HARIRABU : 16 MARCH 2011

CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.

*i*

|

?

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 5,10 HINGGA 69 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 4, 6 -  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

SIDEKSAI  
CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK HAJI BAHARUM BIN  
MOHAMED SEKIJANG ]**

**TARIKH**

**16 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN NO. 5**

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ] mint a MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah bentuk ganjaran dan jumlah yang diterima oleh jurulatih dan pemain bola sepak kebangsaan apabila menjuarai Piala Suzuki AFF 2010.

**JAWAPAN**

Berikut adalah ganjaran/ insentif yang diberikan kepada jurulatih serta pemain skuad kebangsaan yang telah menjuarai Kejohanan Piala AFF Suzuki 2010:

1. Menerima insentif khas Kerajaan Malaysia berjumlah RM 250 ribu (RM10 ribu seorang);
2. Insentif Amanah Saham Wawasan 2020 berjumlah RM1.25 iuta (RM50 ribu seorang);
3. Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) Majlis Sukan Negara berjumlah RM125 ribu (RM 5 ribu seorang);

**SULIT**

4. Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) juga turut menyumbang sebanyak RM1.2 juta (RM50 ribu seorang dan RM10 ribu seorang kepada barisan pengurusan skuad); dan
5. Sumbangan pihak swasta melalui Tabung Akujanji Ganjaran Piala AFF Suzuki sebanyak RM94 ribu (dikendalikan oleh Persatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM)).

**Selain itu, para pemain juga turut menerima sumbangan daripada kerajaan negeri masing-masing.**

**SOALAN NO. 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**DARI PAD A : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**

**(HULU LANGAT)**

**TARIKH 16 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

YB Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kejayaan yang dicapai selama ini oleh Institut Sosial Malaysia dalam melatih remaja-remaja dalam negara. JAWAPAN Tuan Yang di-Pertua,

Institut Sosial Malaysia (ISM) yang mula beroperasi pada 2002 adalah sebuah institusi latihan awam di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang menyediakan latihan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian serta agensi-agensi di bawahnya. Namun tumpuan latihan di ISM adalah kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia bagi memperkasakan kemahiran dan kepakaran mereka dalam bidang Perkhidmatan Kebajikan, Pembangunan Komuniti, Kerja Sosial dan Pembangunan Sosial. Selain itu, ISM turut memberi latihan dan menjalankan bengkel serta seminar berkaitan pembangunan dan kemahiran sosial kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, pembantu-pembantu sosial, pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan juga golongan remaja.

ISM sebagai institusi latihan telah melaksanakan program bagi membantu golongan remaja melalui dwi mekanisme iaitu:

- a) Menyediakan latihan kepada Pegawai-Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pekerja Sosial dan Kaunselor bagi membantu remaja mengurus diri dan menangani gejala sosial; dan

- b) Melatih remaja secara terus melalui aktiviti, bengkel dan seminar berkaitan kemahiran sosial.

Tuan Yang di-Pertua,

ISM juga turut menganjurkan program-program berbentuk bengkel dan seminar berkaitan pembangunan dan kemahiran sosial yang dihadiri oleh remaja dan pelajar-pelajar IPT dan pelajar sekolah. Antara seminar dan bengkel berkaitan remaja yang dianjurkan adalah seperti:

- a) Seminar

**Golongan Berkeperluan Khas: Wanita dan Gadis;**

- b) Seminar

**Golongan Berkeperluan Khas: Kanak-Kanak Perlu Dilindungi;**

- c) Bengkel

**Kemahiran Sosial: Cegah dan Selamatkan Seribu Insan;**

- d) Bengkel Kemahiran Sosial Remaja: Juara Rakan Sebaya;

- e) Bengkel Kemahiran Sosial: Sukarelawan Kami Prihatin;

- f) Bengkel Kemahiran Sosial: Sukarelawan dan kemahiran menolong;

- g) Bengkel Kemahiran Sosial Remaja: Juara Keluarga; dan

- h) Kursus Sukarelawan Jiwa Malaysia yang turut melibatkan remaja.

Pada tahun 2010, seramai 504 orang remaja telah menyertai kursus-kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh ISM dan perancangan sedang giat dilaksanakan untuk

meningkatkan penyertaan remaja dalam pengajuran-pengajuran kursus dan latihan yang dilaksanakan pada tahun 2011.

Di samping itu, dalam menjamin program yang terbaik dilaksanakan, ISM turut menjalankan beberapa kajian yang melibatkan isu-isu sosial dan responden remaja seperti kajian Budaya Sukarelawan dan Kajian Remaja Lari Dari Rumah. Kementerian yakin melalui pelbagai latihan yang diberikan diharap akan terus memberi manfaat kepada remaja sebagai aset penting negara.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

|          |                |                                  |
|----------|----------------|----------------------------------|
| DARIPADA | PE<br>RT<br>AN | LISAN                            |
| TARIKH   | YA             |                                  |
| AN       |                |                                  |
|          |                | DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL |
|          |                | [LABUAN]                         |
|          |                | 16.03.2011 (RABU)                |

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [ LABUAN ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga barang khususnya di Labuan berbanding di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Y.B Labuan, berdasarkan kajian dan pemantauan yang dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga (PPH), Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) cawangan Labuan pada tahun 2011, mendapati bahawa harga barang perlu/ runcit di Labuan tidaklah terlalu tinggi hingga membebankan penduduk di W.P Labuan. Dari kajian yang

**NO. SOALAN : 11**

**dilaksanakan mendapati perbezaan harga di bandar Labuan dengan kawasan kampung sekitarnya pada harga 10 sen hingga 20 sen sahaja.**

Bagi melihat situasi sebenar isu ini, pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) telah mengadakan pemantauan dan pemerhatian di beberapa buah kampung iaitu, Kg Sg Buton, Kg Bebuloh, Kg Belukut, Kg Sg Pagar dan Kg Bedaun. Sepanjang lawatan di kedai-kedai runcit di sana, didapati harga barang tidak banyak berbeza berbanding di bandar iaitu sekitar 10 sen ke 20 sen sahaja. Jarak antara kampung-kampung tersebut dengan bandar Labuan juga tidak begitu jauh dan penduduk lebih suka ke bandar untuk membeli barang keperluan berbanding di kedai runcit kampung. Hanya dalam keadaan terdesak dan memerlukan sahaja, kedai runcit kampung menjadi pilihan.

Walau bagaimanapun, pihak KPDKKK akan sentiasa memantau isu ini dari masa ke semasa supaya tiada berlakunya kenaikan harga barang/ runcit yang tidak munasabah di Labuan.

NO: IX

**KK/BP (1.10)294/6-73 SJ.B/(24)**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

|                   |   |
|-------------------|---|
| <b>DARIPADA</b>   | <b>: TUAN TONY PUA KIAM WEE<br/>[PETALING JAYA UTARA]</b> |
| <b>PERTANYAAN</b> | <b>: LISAN</b>  |
| <b>TARIKH</b>     | <b>: 16.03.2011</b>                                       |

**Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:**

- a) sama ada kontrak pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang ditawarkan kepada Syarikat China Harbour Engineering Company (CHEC) atas persefahaman bahawa Kerajaan China akan memberikan sokongan dari segi soft loan; dan
- b) impak kos kepada Kerajaan akibat perjanjian pinjaman yang masih belum dipersetujui.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) selaku pemilik projek Jambatan Kedua Pulau Pinang telah membahagikan kontrak pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang kepada 3 Paket iaitu Paket 1 (Rentang Navigasi Utama dan Sub-struktur dan Kerja Asas untuk Rentang Tuju), Paket 2 (Struktur Utama bagi Rentang Tuju) dan Paket 3 (Lebuhraya Darat). Daripada 3 Paket tersebut, hanya kontrak pembinaan Paket 1 sahaja diberikan kepada Chec Construction (M) Sdn. Bhd., anak syarikat Syarikat China Harbour Engineering Company (CHEC) dengan nilai kontrak RM2,200 juta atau 39% daripada kos keseluruhan RM5,636 juta. Manakala kontrak Paket 2 dan 3 diberikan kepada kontaktor tempatan.

Bagi Paket 1, JKSB mendapatkan pembiayaan daripada sumber luar negeri iaitu The Import-Export Bank of China (China Exim berjumlah USD330 juta (RM997 juta). Pinjaman ini adalah pinjaman konsesi yang diperolehi secara *Government to Government*, dengan izin dan dijamin oleh Kerajaan

Malaysia. Keputusan untuk mengambil pinjaman daripada China Exim adalah bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara dalam bidang ekonomi. Dalam masa yang sama, kedua-dua syarikat Malaysia dan Republik Rakyat China saling bekerjasama untuk melaksanakan projek di Malaysia untuk kepentingan bersama dari segi pemindahan teknologi dan kepakaran China kepada syarikat tempatan. Bagi Pakej 2 dan 3 pula, pembiayaan adalah melalui sumber domestik.

- (b) Untuk makluman ahli Yang Berhormat, dokumen perundangan berkaitan perjanjian pinjaman telah dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak pada 22 Februari 2011 setelah beberapa isu perundangan diselesaikan. JKSB dijangka membuat pengeluaran pinjaman dalam tempoh terdekat. Kelewatian untuk memuktamadkan dokumen tersebut tidak memberi impak kepada kos projek kerana JKSB telah mendapat pembiayaan daripada sumber domestik berjumlah RM1.2 bilion bagi membuat bayaran bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh CHEC. Setakat ini, kemajuan projek adalah lebih cepat daripada jadual yang ditetapkan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :**

**Y.B.DATUK WIRA AHMAD HAJI  
HAMZAH**

**LISAN DARIPADA**

**KAWASAN : JASIN**

**TARIKH : 16.3.2011 (Rabu)**

**SOALAN NO. : © 13**

**Y.B. DATUK WIRA AHMAD HAJI HAMZAH (Jasin) minta  
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN  
SNDUSTRI menyatakan**

**Langkah-langkah Kerajaan untuk melonjakkan kembali prestasi eksport negara pada tahun ini yang diiangka merosot ekoran daripada impak pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih rendah berbanding tahun 2010.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berikut daripada unjuran bahawa pertumbuhan ekonomi dunia yang rendah bagi tahun 2011, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi di bawahnya akan meneruskan langkah-langkah bagi meloniakkan kembali prestasi eksport negara pada tahun ini dengan;

- i) Meningkatkan lagi pelaburan tempatan dan juga asing di dalam industri-industri yang bernilai tinggi (*high value*) dengan izin.
- ii) Meningkatkan aktiviti promosi perdagangan dengan mempromosi barang yang bernilai tinggi (*high value*) dengan izin, merangsang khidmat promosi eksport, menambahbaikkan program-program pembangunan pengeksport, pendekatan inovatif dan kreatif daiam mempromosikan eksport Malaysia serta meningkatkan kerjasama dengan komuniti perniagaan antarabangsa.

Sebanyak 113 aktiviti promosi perdagangan akan dilaksanakan pada tahun 2011 dalam usaha untuk melonjakkan prestasi eksport Negara. Antara aktiviti yang akan di adakan sepanjang tahun ini merangkumi 41 kaunter promosi, 38 buah pameran

perdagangan serta 27 misi pemasaran khusus, 4 *Joint Promotion Activities*, dengan izin, serta 3 *Global Supply Chain Initiatives*, dengan izin, yang akan dianjurkan di seluruh dunia.

Selain itu juga, MITI melalui MATRADE akan meneruskan 4 aktiviti promosi utama pada tahun 2011 iaitu pengajuran Pameran Perdagangan Antarabangsa seperti *Malaysia Services Exhibition 2011*, dengan izin, *INTRADE 2011*, dengan izin, *MI HAS 2011* dan Program *Malaysia Kitchen*, dengan izin.

Dari aspek pasaran yang berpotensi pula, Kerajaan akan mengambil langkah bagi melonjakkan kembali prestasi eksport negara pada tahun ini dengan menumpukan promosi ke pasaran-pasaran baru dan bukan traditional.

iii) Menggunakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) sebagai satu langkah untuk memudahkan kemasukan barang dan perkhidmatan Malaysia kepasaran antarabangsa. Perjanjian Perdagangan Bebas yang



**telah ditandatangani adalah seperti; Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China, ASEAN-Jepun, ASEAN-Korea, ASEAN-India, ASEAN-Australia dan New Zealand, Malaysia-Jepun, Malaysia-Pakistan dan Malaysia-New Zealand, Manakala Perjanjian Perdagangan Bebas yang masih dalam rundingan adalah seperti Malaysia-Turki, Malaysia-India dan Malaysia-Australia.**

**NO.SOALAN : 14**

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN                                    LISAN  
DARIPADA                                    TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]  
TARIKH                                        TARikh

16.03.2011 (RABU)

TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan perancangan untuk memberikan lesen pemasangan kelengkapan pengisian gas sebagai bahan api gantian kepada petroleum di semua stesen minyak selain daripada Petronas di seluruh negara yang bertujuan untuk memberikan pilihan tambahan kepada pengguna-pengguna kenderaan demi meringankan beban kos bahan api.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak pernah menghalang mana-mana syarikat untuk membekal dan mengedar bahan api gantian kepada stesen minyak selain daripada PETRONAS di seluruh negara. Walau bagaimanapun, berikutan kos bagi pembinaan stesen NGV adalah lebih tinggi berbanding kos pembinaan stesen minyak biasa serta kos tambahan bagi penyediaan infrastruktur berkaitan juga tinggi, syarikat-syarikat minyak lain kurang berminat untuk menjadikan NGV sebagai produk jualan di stesen mereka.

Untuk makluman ahli dewan, harga runcit NGV ditetapkan oleh Kerajaan pada 68 sen seliter dan ianya jauh lebih rendah berbanding harga pasaran iaitu RM1.83 seliter. Perbezaan harga sebanyak RM1.15 seliter ditanggung sepenuhnya oleh PETRONAS.



**SOALAN NO: 15**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**LISAN**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**YB. DATO' SRI IR. ONG TEE KEAT  
[PANDAN ]**

**TARIKH**

**RABU, 16 MAC 2011**

**RUJUKAN  
SOALAN**

**02 [PR-000-L42317]**

**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan setakat ini berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan untuk membaik-pulih dan menaik taraf rumah-rumah pangsa yang uzur dan usang. Apakah kriteria kelulusannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pandan, jumlah peruntukan yang diluluskan melalui permohonan Tabung Penyelenggaraan Rumah Kos Rendah Swasta (TP-IMalaysia) sehingga 21 Februari 2011 untuk membaik pulih dan menyelenggara rumah pangsa yang uzur adalah sebanyak RM3.38 juta yang melibatkan 17 permohonan.

Kriteria bagi kelulusan penggunaan Tabung TP-IMalaysia adalah terhad kepada permohonan daripada *Joint Management Body* (JMB) atau

*Management Corporation (MC)* atau Persatuan Penduduk Perumahan Kos Rendah Swasta di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

Permohonan tabung ini hanya terhad kepada penyelenggaraan perkara-perkara yang mustahak di mana kriteria penyelenggaraan yang diambil kira dan diberi perhatian adalah seperti berikut :

- i) mengecat bangunan;
- ii) penyelenggaraan tangga;
- iii) penyelenggaraan bumbung;
- iv) membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni; dan
- v) kerosakan-kerosakan lain yang diputuskan wajar diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung.

Sementara itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula telah memperoleh RM215 juta menerusi peruntukan Khas Kerajaan bagi tahun 2009-2010 untuk membaik pulih dan menaiktaraf rumah-rumah pangsa yang berada di bawah pengurusan dan penyelenggaraan DBKL.

Sejumlah 38 buah kawasan perumahan terlibat dalam kerja-kerja tersebut, di mana ianya melibatkan harta gunasama (*common area*). Antara kerja-kerja yang terlibat adalah seperti kerja awam, kerja elektrik dan kerja mekanikal.

Kerja-kerja tersebut dilaksanakan berasaskan kekerapan aduan yang diterima serta pemantauan yang dilaksanakan oleh DBKL.

## **SOALAN 16**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DR. HIEW KING CHEU**

**[KOTA KINABALU]**

**TARIKH**

**16 MAC 2011**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

Sama ada peruntukan yang boleh digunakan untuk pemasangan dan pemberian lampu-lampu jalan dan lampu-lampu taman di Pantai Tanjung Aru dan Prince Philip Park di Kota Kinabalu yang merupakan satu tempat yang selalu dikunjungi oleh pelancong-pelancong. Jika tidak, bolehkah Kementerian menyediakan peruntukan supaya melaksanakan projek ini untuk tujuan mencantikkan pantai.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pelancongan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM62.3 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke- Sembilan (RMKe-9) untuk meningkatkan lagi kemudahan pelancongan di Negeri Sabah terutamanya di destinasi- destinasi popular. Projek yang dilaksanakan termasuk pembinaan projek- projek peningkatan dan penyediaan kemudahan pelancongan, eko-pelancongan, penyelenggaraan dan program Homestay.

Dalam tempoh tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10.5 juta bagi meningkatkan lagi kemudahan di kawasan Tanjung Aru. Walaupun begitu, peruntukan ini hanya terhad kepada pembinaan projek Peningkatan Kemudahan Kampung Air dan pembinaan tandas-tandas awam di sekitar Tanjung Aru termasuk di Prince Phillips Park.

Dibawah RMKe-10 ‘First Rolling-Plan (2011-2012)’, Kementerian bersedia untuk menimbangkan permohonan peruntukan dari pihak negeri bagi tujuan menaiktaraf kemudahan pelancongan termasuk di Kota Kinabalu agar dapat menambahkan keceriaan, keselesaan dan keselamatan bagi para pelancong.

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN JAWAB USAN

DARIPADA TUAN DING KUONG HIING [ SARIKEI ]

**TARIKH** **16 MAC 2011 (RABU)**

SOAI

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ] minta MENTERI PENERANGAN,  
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan**

- (a) adakah Kementerian bercadang menyelesaikan masalah kecurian wayar-wayar telefon dan menggantikan balik wayar-wayar yang dicuri sedangkan ia memudahkan akses

**SOALANNO: 18**

**Internet dengan lebih stabil melalui kabel; dan**

- (b) nyatakan juga langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian mengatasi masalah ini dari tahun 2008 hingga sekarang di Sarikai.

**SOALAN NO: 17**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian sedar akan masalah kecurian kabel telefon yang berlaku di kawasan Sarikei. Antara kawasan-kawasan yang dikenalpasti kerap mengalami masalah kecurian kabel adalah kawasan Bintangor, Tulau, Jakar dan Sarikei.

Kes-kes kecurian ini melibatkan kabel milik syarikat Telekom Malaysia. Perangkaan bagi tahun di antara 2008 hingga bulan Februari 2011 menunjukkan bahawa sebanyak 125 kes kecurian berlaku.

Bagi mengatasi masalah ini, beberapa langkah telah diambil termasuk membuat rondaan keselamatan. Selain itu jalinan kerjasama pemantauan dan penguatkuasaan dengan pihak Polis Diraja Malaysia telah turut dijalankan. Disamping itu TM juga membuat perubahan pada kedudukan kabel sebagai pencegahan dari kejadian berulang.

Bagi kes-kes kecurian yang berulang di dalam kawasan yang sama, pihak TM tidak dapat membuat penggantian kabel di kawasan tersebut memandangkan kos yang perlu ditanggung adalah amat tinggi.

Bagi membolehkan perkhidmatan dapat terus diberikan kepada masyarakat setempat, pihak TM telah menggantikan perkhidmatan telefon tersebut dengan menggunakan perkhidmatan telefon

**SOALAN NO: 17**

**tanpa wayar menerusi teknologi *Code Division Multiple Access* atau “CDMA”. Masyarakat setempat dan pengguna dapat menggunakan perkhidmatan**

**SOALAN NO: 17**

**“CDMA” tersebut bagi membuat dan menerima panggilan telefon, serta menggunakan perkhidmatan jalurlebar seperti biasa.**

**Sejajar dengan perkembangan teknologi, kawasan tersebut juga diliputi dengan rangkaian alternatif untuk melayari internet di mana penduduk di kawasan tersebut boleh menggunakan perkhidmatan Celcom Broadband.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB  
KADIR [ KETEREH ]**

**TARIKH**

**16 MAC 2011**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah liputan melalui stesen televisyen yang diberikan khusus kepada calon dan parti yang bertanding sepanjang tempoh kempen pada setiap pilihan raya kecil pada tahun 2008, 2009 dan 2010. Apakah dasar dan langkah Kerajaan dalam memastikan hak calon dan parti yang bertanding mendapat akses liputan yang adil dan seimbang.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Secara umumnya, Kerajaan tidak menetapkan jenis-jenis kandungan yang disiarkan oleh stesen-stesen penyiaran swasta dalam pemilihan dan penyiaran berita. Pihak stesen televisyen sendiri akan menetapkan kandungan siaran berdasarkan kepada nilai berita dan kepentingannya kepada rakyat. Justeru itu, Kerajaan tidak mempunyai perangkaan mengenai penyiaran sedemikian yang disiarkan oleh pihak TV swasta.**



**SOALAN NO: 17**

Bagi RTM, peranan dan fungsinya sebagai media rasmi kerajaan ialah untuk menyebarkan berita dan maklumat sejelas-jelasnya mengenai dasar dan program kerajaan kepada rakyat. Secara purata antara 10% hingga 15 % daripada masa siaran berita diperuntukkan kepada liputan pilihan raya kecil yang meliputi semua calon dan parti yang bertanding. Walau bagaimanapun, pengagihan liputan mengikut calon dan parti yang bertanding adalah bergantung kepada nilai sesuatu berita.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH                    16 MAC 2011 (RABU)

DARIPADA                Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA  
TING

[KULAI]

**SOALAN**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING EKULAU** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah projek JB Sentral 2 yang berlokasi di Senai akan dimulakan dan berapakah anggaran kos projek tersebut

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

## **SOALAN (19 )**

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek JB sentral 2 ini merupakan antara cadangan dalam Draf Rancangan Kawasan Khas, Pusat Pengangkutan Bandar Senai yang dirangka untuk mengintegrasikan semua mod pengangkutan awam secara bersepadu, lantaran menangani masalah kesesakan lalulintas di kawasan Senai. Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada Majlis Perbandaran Kulai, projek ini akan

dilaksanakan secara kaedah penswastaan dan ia masih di peringkat perancangan lagi. Butiran terperinci projek ini termasuk tarikh mula laksana dan anggaran kos akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan PBT berkenaan.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac2011

SOALAN NO. 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA PERTANYAAN

JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH                    16 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

Y.B. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan butiran terperinci perbelanjaan terkini RM24 juta yang telah diluluskan untuk menjayakan *First Lady Summit* pada tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sidang Kemuncak Wanita-Wanita Pertama telah diadakan di Kuala Lumpur dari 11 hingga 13 Oktober 2010 dengan penyertaan sebanyak 28 buah negara. Seramai 14 orang Wanita Pertama, 20 orang Menteri dan 200 delegasi asing telah menghadiri Sidang Kemuncak ini. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan sidang kemuncak ini buat julung kalinya pada tahun lepas bagi meningkatkan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bidang pembangunan kanak-kanak.

Sidang Kemuncak ini telah menghasilkan satu deklarasi iaitu *Declaration of the First Ladies Summit “A Child Today, A Leader Tomorrow”* yang telah diterima oleh semua negara peserta. Deklarasi tersebut menggariskan 3 perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan kepimpinan kanak-kanak iaitu pendidikan, peranan keluarga dan peranan komuniti. Deklarasi tersebut menjadi rangka kerja bagi setiap negara peserta untuk merancang modul pembangunan kepimpinan kanak-kanak masing-masing dan ia telah dipanjangkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kos sebenar untuk menganjurkan Sidang Kemuncak di peringkat antarabangsa ini adalah sebanyak RM4,498,949.99 dan

bukanlah sebanyak RM24 juta seperti yang diuar-uarkan. Penganjuran Sidang Kemuncak Wanita-Wanita Pertama ini telah membawa banyak faedah kepada negara kerana ia telah berjaya menjadi satu platform bagi Wanita-Wanita Pertama untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam pembangunan kepimpinan kanak-kanak, mewujudkan hubungan pelbagai hala dan memperkuuhkan jaringan persahabatan Wanita-Wanita Pertama.

Malaysia terutamanya, telah berjaya mengeratkan hubungan 2 hala dengan 28 buah negara peserta dan meningkatkan kedudukan negara di persada antarabangsa sebagai sebuah negara yang peka terhadap agenda pembangunan kanak-kanak. Melalui Sidang Kemuncak ini juga, Malaysia telah mengetengahkan peranan yang boleh dimainkan oleh Wanita-Wanita Pertama dalam menyokong perubahan strategik yang memberi penekanan kepada inisiatif komuniti seperti bidang kepemimpinan, pendidikan, kesedaran gender dan pembangunan sosial secara keseluruhan.

PARLIMEN MALAYSIA  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN**

**JAWAB LISAN**

**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]**

**16 MAC 2011 (RABU)**

**DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB** minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan berapakah jumlah jeti LKIM yang dibina  
oleh Kementerian yang masih belum beroperasi di  
negeri Kedah.

**JAWAPAN OLEH**

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

Sebanyak 29 buah jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah siap dibina dan digunakan di Negeri Kedah manakala 2 jeti masih di peringkat peringkat pembinaan iaitu jeti Teluk Nipah di Tanjung Dawai yang dijangka siap pada 15 Mac 2011 dan Sungai Jagung, Merbok yang dijangka siap pada 30 April 2011. Jeti-jeti LKIM yang telah dibina dapat memberi faedah kepada lebih kurang seramai 7,182 orang nelayan di Negeri

**SOALAN NO: 22**

Kedah.

**SOALAN NO: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAANDEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK DR. MARCUS MOJIGOH**

[PUTATAN]

**TARIKH**

**16 MAC 2011**

**(RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI  
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan**

- (a) Sekatan dan tindakan yang diambil ke atas penulis (Bloggers) yang sengaja menyebarkan artikel berbau hasutan dan fitnah; dan**
  
  - (b) Adakah kegiatan mereka ini dibiarkan atas dasar kebebasan bersuara dan demokrasi. Sekiranya tidak, adakah pihak Kerajaan akan meminda satu akta bagi menangani masalah ini**
- JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh SKMM bagi**

**SOALAN NO: 24**

mengawal atau membendung ancaman siber menerusi penuisan blog yang berbaur hasutan, menghina dan mengancam keselamatan negara adalah seperti berikut:-

**Aduan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM 1998)**

i. Pada tahun 2010, pihak SKMM telah menerima sebanyak 1114 aduan berhubung laman web/ blog.

| JENIS ADUAN               | JUMLAH      |
|---------------------------|-------------|
| LUCAH                     | 641         |
| MENGANCAM/JELIK           | 467         |
| PALSU/SUMBANG             | 3           |
| DI LUAR BIDANG KUASA SKMM | 3           |
| <b>JUMLAH ADUAN</b>       | <b>1114</b> |

\* 1 Januari 31 Disember 2010

## **Tindakan penyekatan pelbagai kesalahan pada tahun 2010**

|   |             |
|---|-------------|
|   |             |
| <b>“PHISHING”- LAMAN WEB BANK PALSU</b>                   | <b>689</b>  |
| <b>LUCAH- (AKM 1998)</b>                                  | <b>313</b>  |
| <b>SYARIAH</b>  | <b>23</b>   |
| <b>HAKCIPTA-KPDNKK</b>                                    | <b>11</b>   |
| <b>“BAFIA”-AKTA PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN 1989</b> | <b>2</b>    |
| <b>*S.211, AKM 1998</b>                                   | <b>14</b>   |
| <b>S.233 AKM 1998</b>                                     | <b>6</b>    |
| <b>IKLAN UBAT-KKM</b>                                     | <b>9</b>    |
| <b>LAIN-LAIN</b>  | <b>1</b>    |
| <b>JUMLAH SEKATAN</b>                                     | <b>1068</b> |

*\*Larangan terhadap pemberian kandungan jelik*

- ii. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua jenis kandungan berangkai termasuk kandungan laman web di Internet tidak hanya tertakluk kepada AKM 1998 tetapi tertakluk juga kepada undang- undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan undang-undang negara yang lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**DATUK SERI PANGLIMA WILFRED**

**MOJILIP BUMBURING [ TUARAN ]**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**SOALAN NO: 22**

**TARIKH**                   **16.03.2011**

**Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [ Tuaran ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa lot-lot rumah di Taman Sri Vesta Melalin di Sulaman Tuaran telah disewakan kepada anggota tentera laut sedangkan perumahan tersebut sepatutnya diberi kepada orang tempatan yang memerlukan rumah.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, projek Rumah Mampu Milik (RMM) Taman Sri Vesta Melalin di Sulaman Tuaran yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang berjumlah 496 unit telah siap sepenuhnya pada Ogos 2008 dan mula diduduki pada September 2009. Daripada jumlah ini, hanya 199 unit rumah sahaja yang terjual. Memandangkan tiada pembeli, SPNB telah menyewakan sebanyak 230 unit rumah tersebut untuk kegunaan Anggota Tentera Laut. Namun begitu, masih terdapat 67 unit rumah**

**NO SOALAN: 24**

yang belum terjual dan penduduk tempatan yang berminat boleh mendaftar dan membuat tempahan di pusat jualan SPNB di Cawangan Sabah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

LIS  
AN

**DARIPADA**

**YB TUAN CHUA TIAN CHANG(BATU)**

**TARIKH**

**16.03.2011  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan**

- (a) adakah Kementerian telah membuat keputusan untuk memperoleh pesawat pejuang F/A-18F/F daripada Boeing dan berapakah anggaran jumlah nilai perolehan; dan
- (b) apakah elemen-elemen dalam program offset terutamanya melibatkan Measat Satellite System Sdn. Bhd.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Setakat ini Kementerian masih belum membuat sebarang keputusan namun satu Tim Penilaian telah ditubuhkan untuk mengkaji beberapa pesawat yang telah dikenal pasti dan Tim masih sedang melaksanakan kajian di mana pesawat F/A-18F merupakan salah satu daripada pesawat yang diuji nilai.

**NO SOALAN: 24**

Oleh kerana keputusan masih belum dibuat bagi projek ini, program *offset* juga masih belum dirancang. Walau bagaimanapun, bagi setiap program perolehan, elemen *offset* selalu diambil kira, baik untuk industri tempatan, agensi kerajaan maupun perkhidmatan. Bagi perkhidmatan, ianya lebih tertumpu kepada latihan kepakaran yang bersifat *Transfer of Technology* (TOT) yang membolehkan perkhidmatan bersifat kendiri dari aspek pengoperasian sistem, senggaraan atau naik taraf sistem di masa hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Setakat ini, Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sebarang obligasi program *offset* yang melibatkan syarikat Measat Satellite System Sdn. Bhd.**



**NO. SOALAN : 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

|                   |   |
|-------------------|---|
| <b>PERTANYAAN</b> | <b>LISAN</b>                                |
| <b>DARIPADA</b>   | <b>DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [ KAPIT</b> |
| <b>TARIKH</b>     |   |
| <b>SOALAN</b>     | <b>] 16 MAC 2011 (RABU)</b>                 |

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan projek-projek yang telah tersenarai dalam rancangan *Economic Transformation Plan* (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) buat masa ini. Nyatakan kalau ada kekangan atau masalah yang ada dan yang perlu ditangani dalam pelaksanaan kesemua projek tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme* atau ETP) adalah satu usaha komprehensif yang akan mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ia akan meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang AS\$6,700 atau RM23,700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48,000 pada 2020, dengan itu memacu kemajuan negara ke tahap yang sama dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain. Perkembangan PNK sebanyak 6 peratus setahun akan membolehkan kita mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020.

Lebih 3.3 juta pekerjaan baru merentasi kawasan bandar dan luar bandar negara akan diwujudkan menjelang 2020. Ciri-ciri pekerjaan baru ini akan menyebabkan anjakan ke arah julat pendapatan sederhana dan tinggi.

Hampir kesemua 131 projek permulaan atau *Entry Point Projects* (EPP) di bawah 12 *National Key Economic Areas* (NKEA) sedang rancak dirunding. Sudah tentunya sesetengah daripada mereka mempunyai isu-isu yang kompleks dan mengambil lebih masa untuk bergerak lancar, tetapi banyak diantaranya sudah membawa hasil yang nyata atau *tangible results*. Sebagai contoh, YAB Perdana Menteri telah mengumukan 60 buah projek di bawah ETP dalam jangka masa 4 bulan ETP dilancarkan. 60 projek ini merangkumi 46 EPP (*Entry Point Project*) di mana hanya pada masa yang singkat ini, pihak swasta dan kerajaan bersama-sama telah dapat memulakan 35% daripada 131 EPP yang disenaraikan dalam Program Transformasi Ekonomi.

Ini menunjukkan komitmen kerajaan terhadap membantu sektor swasta untuk menjadi pemacu utama mengembangkan ekonomi negara. Pelbagai lagi pengumuman yang akan dibuat oleh YAB PM dan Menteri-Menteri peneraju NKEA pada masa yang akan datang, dan pelaksanaan projek-projek ini dapat dirasakan oleh semua golongan dan lapisan masyarakat.

Bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh pula, sehingga 7 Mac 2011, sebanyak 6,740 projek dengan siling peruntukan RM103.6 bilion telah diluluskan pelaksanaannya sepanjang *Rolling Plan* pertama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) (2011-2012). Jumlah projek baru adalah sebanyak 3,339 projek dengan peruntukan sebanyak RM63.1 bilion, manakala baki 3,401 projek merupakan projek sambungan RMK-9 dengan peruntukan sebanyak RM40.5 bilion. Sebanyak 5,457 projek adalah projek fizikal dan sebanyak 1,283 projek adalah bukan fizikal. Sebanyak 3,872 projek dijangka akan dilaksanakan sepanjang tahun 2011.

Daripada jumlah keseluruhan 6,740 projek, sebanyak 3,605 projek berada pada status Dalam Pelaksanaan dengan pecahan 1,001 projek adalah Dahulu Jadual (DJ), 2,342 projek adalah Ikut Jadual (IJ) dan 262 projek adalah Lewat Jadual (LJ). Sebanyak 3,089 projek yang belum mula dengan pecahan 3,070 projek masih di peringkat Dalam Perancangan (DP) dan 19 projek dengan status Belum Mula (BM). Baki sebanyak 46 projek pula telah siap sepenuhnya.

Sehingga 4 Mac 2011, secara keseluruhannya terdapat 58 masalah yang telah dikenal pasti oleh kementerian-kementerian bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan *Rolling Plan* pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Daripada 25 kementerian, enam kementerian melaporkan tidak mempunyai sebarang masalah dalam pelaksanaan projek pembangunan setakat ini. Daripada 58 masalah yang dilaporkan, sebanyak 26 masalah dicatatkan berkaitan dengan kewangan. Sebanyak 8 masalah berkaitan dengan tanah, empat masalah berkaitan masalah pengurusan atau pentadbiran kontrak dan satu masalah direkodkan berkaitan dengan perancangan. Selebihnya, sebanyak 17 masalah adalah dalam kategori lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR**

**TARIKH**

**MAS] 16 MAC 2011 (RABU)**

**Dato' Ibrahim bin Ali [PASIR MAS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah menjadi dasar-dasar Kerajaan di bawah MBE, matlamat pencapaian ekuiti 30% tercapai pada tahun 2020 apabila Malaysia diisyiharkan negara maju. Ianya adalah lanjutan kepada matlamat DEB yang tidak mencapai sasaran 30% sebelum ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan afirmatif yang mesra pasaran di bawah MBE akan tertumpu kepada golongan 40% isi rumah terendah. Manakala program-prog ram khas yang disasarkan kepada golongn yang memerlukan diluar lingkungan 40% isi rumah pertengahan hendaklah diteruskan. Namun, ia harus dikurangkan secara berperingkat pada satu tahap yang sesuai bagi membantu hanya mereka yang layak dan memerlukan. RMK-10 telah dengan jelas memperuntukkan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi selaras dengan cadangan-cadangan MBE iaitu secara mampan dan terangkum. Dasar inisiatif di bawah RMK-10 akan membantu usahawan Bumiputera dalam menwujudkan perniagaan yang berdaya saing melalui peningkatan keupayaan dan kemampuan.

Sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikan kekayaan negara oleh Bumiputera dalam ekonomi hanya kekal di peringkat makro. Ini telah dijelaskan dengan terperinci dalam RMK-10, bahawa instrumen yang lebih telus, mesra pasaran, dan berasaskan merit dan mengikut keperluan digunakan bagi pembinaan keupayaan dan mengalakkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi

secara berkesan selaras dengan objektif untuk mencapai pertumbuhan yang tinggi dan mampan. Mekanisme pelaksanaan dan penyampaian sedia ada akan ditambahbaik bagi mengalakkan keberkesanan program/projek dan meminimumkan ketirisan feadah pembangunan.

Tugas untuk mencapai sasaran diberikan kepada badan-badan tertentu seperti Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Urusan Tabung Haji dan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera. Sebagai contoh, :-

- a. Tabung Pelaburan Amanah Hartanah yang ditubuhkan di bawah RMK-10 bertujuan untuk mengurangkankekangan Bumiputera untuk melabur dalam sektor hartanah komersial dan industri.
- b. RM1.5 billion atau separuh daripada tambahan dana skim Jaminan Modal kerja sebanyak RM3 billion akan diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera.
- c. Pembangunan keusahawanan seperti MARA dan PUNB
- d. Terus membangunkan guna tenaga profesional Bumiputera

MBE menyokong pendekatan baru ini dalam mengenai peningkatan pemilikan harta yang melewati ekuiti korporat yang termasuk aset-aset yang lain (aset nyata dan hartanah) serta sumber kewangan terkumpul dan pelaburan oleh Institusi. Kerajaan telah memberi keutamaan kepada peningkatan penyertaan bumiputera di dalam pekerjaan dan profesion yang berpendapatan tinggi yang akan menjadi elemen utama dalam meningkatkan pemilikan harta mereka.

Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, butiran terperinci program pelaksanaan di bawah MBE sedang dikaji dan dibincangkan dalam makmal yang dikendalikan oleh PEMANDU selama 6 minggu di Pusat Latihan MAS, Kelana Jaya yang disertai agensi kerajaan dan swasta yang bertanggungjawab dalam merangka pelaksanaan program-program tersebut.

**Soalan No : 27**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT  
(RANAU)**

**TARIKH**

**16.03.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [ RANAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa terdapat lebih kurang 28 projek sekolah yang diluluskan oleh Kementerian merupakan projek-projek sakit kerana didapati sudah dilaksanakan tetapi belum disiapkan sepenuhnya. Contohnya bangunan tambahan di SK Tinanom. Jika sedar apakah tindakan yang telah dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2010 bagi mengatasi masalah projek-projek sakit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPM ataupun Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KPM dan akan bersidang dua bulan sekali. Tujuan jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan dan mengenalpasti alternatif terbaik bagi mengatasi, menyelesaikan dan mengurangkan masalah-masalah projek sakit dan lewat jadual seperti masalah- masalah yang dihadapi sama ada di tapak, di pihak kontraktor dan perunding, agensi pelaksana, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain. Pihak kontraktor akan diberi peluang untuk memohon tempoh lanjutan masa (EOT) bagi menyiapkan projek tersebut. Jika kontraktor gagal menyiapkan projek,

maka kontrak kontraktor akan ditamatkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan isu bangunan tambahan di SK Tinanom iaitu rumah guru, rumah pengawal dan tandas, projek tersebut telah siap dan dalam proses *Testing and Commissioning* (TNC) sebelum diserahkan kepada KPM.

Rjm 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN                            LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU]**

**TARIKH                                16 MAC 2011**

**SOALAN**

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah-langkah kawalan yang sedang dan akan diambil untuk mengawal penyakit-penyakit berjangkit seperti H1N1, memandangkan Malaysia adalah salah sebuah negara yang terdedah kepada penyakit-penyakit begini.

Tuan Yang DiPertua,

Secara umumnya, kejadian penyakit-penyakit berjangkit adalah disebabkan oleh pelbagai agen penyebab seperti bakteria, virus dan sebagainya. Selain itu kejadian penyakit-penyakit berjangkit juga berkaitan dengan faktor-faktor penyumbang seperti masalah kebersihan diri, tingkah laku, bekalan air bersih, kebersihan persekitaran dan lain-lain. Untuk makluman, kejadian penyakit-penyakit berjangkit dipantau dan dilaporkan setiap hari melalui Bilik Gerakan Operasi (*Crisis Preparedness and Response Centre - CPRC*) di peringkat Kebangsaan, Negeri dan

Daerah.

Merujuk kepada kejadian penyakit berjangkit seperti H1N1, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2005 telah menghasilkan garispanduan berkaitan dengan ‘Pandemic Preparedness’ sebagai panduan bagi sesebuah negara merancang, menyedia dan bertindak kepada ancaman pandemik influenza. Kementerian Kesihatan telah menyediakan ‘National Influenza Pandemic Preparedness Plan’ (NIPPP) yang telah menggariskan tindakan pelbagai-agensi bagi mengawal ancaman pandemik influenza seperti H1N1. Antara langkah-langkah kawalan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1. Memperkuuhkan sistem arahan wabak melalui Bilik Gerakan Operasi (*Crisis Preparedness and Response Centre - CPRC*) di semua peringkat.
2. Mempertingkat dan memperkuuhkan aktiviti surveyan penyakit berjangkit termasuk surveyan *Influenza-Like Illness* (ILI) dan penyakit berjangkit yang lain.
3. Mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan semua anggota kesihatan bagi memastikan pengurusan kes yang berkesan.
4. Memastikan fasiliti kesihatan seperti hospital-hospital utama yang dikhaskan untuk merawat kes penyakit berjangkit bersedia untuk menerima dan merawat pesakit termasuk daripada segi mempertingkatkan kemudahan Unit Rawatan Rapi (*ICU*).
5. Menyediakan fasiliti makmal yang berkeupayaan seperti menjadikan Institut Penyelidikan Perubatan (*IMR*) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Sungai Buloh sebagai makmal rujukan untuk menjalankan analisa terhadap sampel klinikal.
6. Menyediakan simpanan ubatan dan alat perlindungan diri untuk sedia diagihkan dan digunakan dalam pengurusan kes-kes.
7. Menyediakan garispanduan dan mengemaskini maklumat dari semasa ke

semasa bagi membantu langkah pencegahan dan kawalan dilaksanakan dengan baik.

8. Menyedia dan mengedar bahan pendidikan kesihatan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kejadian penyakit berjangkit di samping kenyataan akhbar dari semasa ke semasa apabila diperlukan.

Kementerian Kesihatan telah, sedang dan akan terus mengambil pelbagai langkah kawalan bagi menangani kejadian penyakit-penyakit berjangkit secara keseluruhannya. Kementerian juga bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan kebersihan persekitaran serta pelupusan sampah sarap yang teratur bagi mengelakkan penyebaran penyakit-penyakit berjangkit. Program bekalan air selamat dan kesihatan alam sekitar (BAKAS) luar bandar akan terus diberi perhatian. Selain daripada itu, kerjasama orang awam juga diperlukan untuk menjaga kebersihan diri dan persekitaran bagi mengelak penularan jangkitan penyakit-penyakit berjangkit.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN** : **JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA** **DATO' MD SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]**  
**TARIKH** **16 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

**DATO' MD SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian dasar-dasar Kerajaan untuk mewujudkan rakyat berpendapatan tinggi di negara ini. Apakah kekangan yang dihadapi mengikut negeri-negeri di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian pelaksanaan dasar Kerajaan ke arah mewujudkan rakyat berpendapatan tinggi dapat dilihat dari pelbagai aspek. Antaranya, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita negara telah meningkat daripada RM6,770 (AS\$2,503) pada tahun 1990 kepada RM26.355 (AS\$8,316) pada tahun 2010. Ini telah mengecilkan jurang tahap pendapatan per kapita negara berbanding dengan paras minimum negara berpendapatan tinggi berdasarkan definisi Bank Dunia. Negara juga berjaya ditransformasi daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian dan seterusnya ekonomi berteraskan aktiviti perkhidmatan. Kini, struktur ekonomi negara hampir menyamai struktur

ekonomi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju.

Pembangunan yang dicapai juga dapat diterjemah dari segi peningkatan pendapatan kasar bulanan isi rumah purata kepada RM4,025 sebulan pada tahun 2009, peningkatan lebih 2 kali ganda berbanding paras pada tahun 1990. Peratusan isi rumah berpendapatan melebihi RM5,000 meningkat kepada 24.1% berbanding 20.8% pada tahun 2007 (2002: 14.7%; 1992: 3.8%). Sehubungan itu, kadar kemiskinan adalah semakin mengecil sebanyak 3.8% pada tahun 2009 berbanding 16.5% pada tahun 1990.

Ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020, dasar dan program Kerajaan akan terus memberi tumpuan ke atas peningkatan produktiviti, pembangunan modal insan, kreativiti dan inovasi sebagaimana digariskan dalam Model Baru Ekonomi, Pelan Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Justeru, Kerajaan percaya dengan usaha gigih dan penglibatan semua pihak, Malaysia mampu mencapai matlamat Wawasan 2020 dengan pendapatan per kapita dianggarkan sebanyak AS\$17,000 menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, antarakekangan dan cabaran yang dihadapi oleh negeri-negeri bagi mencapai matlamat tersebut adalah seperti berikut:

**Pertama**, pelaburan swasta yang lemah dan terlalu bergantung

kepada sektor awam. Sekiranya keadaan ini berlarutan, ianya akan memperlakukan aktiviti pembangunan ekonomi dan pembangunan di sesebuah wilayah. Ia seterusnya akan menghadkan pengwujudan peluang pekerjaan bagi penjanaan pendapatan penduduk di kawasan tersebut. Sehubungan ini, **teras pertama** RMKe-10 telah memperincikan strategi untuk mewujudkan persekitaran yang mendorong pertumbuhan ekonomi yang diterajui sektor swasta;

**Kedua**, peraturan dan prosedur yang tidak seragam dan tidak mesra pelabur juga telah menyebabkan pertumbuhan pelaburan swasta yang rendah atau kurang menarik di beberapa negeri. **Teras ketiga** RMKe-10 telah memperincikan keperluan untuk merubah peranan Kerajaan menjadi pemudah cara yang efektif ke arah mentransformasikan ekonomi; dan

**Ketiga**, penawaran dan kualiti tenaga kerja serta penghijrahan tenaga kerja turut memberikekangan kepada sesetengah negeri dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi di negeri masing-masing.

**NO SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN LIM LIP ENG**

**TARIKH**

**16 MAC 2011**

**SOALAN**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan rasional perlantikan Tan Sri Mohamed Isa Samad sebagai Pengerusi FELDA sedangkan kredibiliti beliau telah tercemar kerana didapati bersalah menggunakan politik wang oleh parti beliau. Adakah nama baik FELDA akan terjejas dan mengakibatkan kebimbangan pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad sebagai Pengerusi FELDA yang baru adalah berdasarkan kepada pengalaman beliau yang luas dalam bidang pentadbiran, pengurusan, kepimpinan dan mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat dan rakyat. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi FELDA pada 2 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2013.

Pelantikan beliau sebagai Pengerusi FELDA adalah berdasarkan kepada nilai kepimpinannya yang telah terbukti boleh menyatukan masyarakat. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan bermula dari tahun 1982 sehingga 2004 dan pernah memegang jawatan Menteri Kabinet Kerajaan Persekutuan pada tahun 2004 hingga tahun 2006. Pengalaman beliau dalam bidang pentadbiran, politik dan pembangunan komuniti adalah menepati kriteria sebagai Pengerusi FELDA yang secara langsung terlibat dalam urusan pembangunan FELDA dan urusan peneroka.

Beliau juga pernah menjadi Wakil Rakyat di kawasan Parlimen Jempol, Negeri Sembilan. Kawasan Parlimen ini mempunyai 27 buah rancangan FELDA dan pengalaman luas dalam hubungan dengan komuniti peneroka membolehkan beliau sangat sesuai dilantik sebagai Pengerusi FELDA.

Adalah tidak benar pelantikan Tan Sri Mohd Isa sebagai Pengerusi FELDA akan menjaskan pasaran saham dan ia tidak ada kaitannya dengan jatuh naik pasaran saham. Sebagai contohnya, Indeks Komposit (IK) pada 30 Disember 2010 ditutup pada paras 1518.91 mata. IK telah didagangkan dalam jajaran 50 mata pada suku tahun keempat 2010. Pada awal Januari 2011, IK telah dibuka pada paras 1524.53 mata dan ditutup pada paras 1533.42 mata, meningkat 14.51 mata berbanding pada akhir Disember 2010.

Oleh yang demikian, dakwaan berlakunya kepincangan dalam pasaran saham yang disebabkan pelantikan Pengerusi FELDA adalah tidak berasas dan tidak relevan. Pada masa ini, tiada anak-anak syarikat FELDA yang tersenarai dalam pasaran saham. Walaupun begitu, rakan perniagaan FELDA dalam dan luar negara seperti Pakistan, India, Singapura, Mesir, Perancis, China, Hong Kong, Sri Lanka, Bangladesh, Afrika Selatan dan Negara-negara Timur Tengah terus memberi sokongan kepada aktiviti perniagaan FELDA. Permintaan terhadap komoditi uatama FELDA iaitu keluaran sawit terus kukuh dan berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Secara keseluruhan, pelantikan Pengerusi FELDA yang baru tiada berkaitan dengan pasaran saham. Pandangan oleh pihak yang berkenaan adalah tidak tepat dan tidak relevan.

**0000 0000 0000 00 000C**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** LISAN

**DARIPADA** : TUANHAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[SIBUTI]

**TARIKH** : 16MAC 2011

**SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Malaysia mempunyai sumber air yang mencukupi dalam tempoh 50 tahun akan datang dan adakah pihak Kerajaan ada melakukan program pencarian sumber air di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mempunyai purata hujan tahunan sebanyak 3000 mm setahun yang menghasilkan sebanyak 990 bilion meterpadu air. Walaubagaimanapun, daripada jumlah tersebut dianggarkan sebanyak 560 bilion meterpadu (57%) mengalir ke sungai-sungai dan kolam takungan sebagai air permukaan manakala 360 bilion meter padu (36%) hilang melalui proses *evapotranspiration* dan selebihnya 7% menyerap masuk kedalam tanah sebagai air bumi.

Keperluan kepada air untuk semua sektor bergantung kepada banyak faktor termasuk bilangan penduduk, penggunaan air setiap orang (per capita consumption), air yang hilang daripada sistem penghantaran (non-revenue water) dan tahap pembangunan negara. Penduduk Malaysia dijangka bertambah daripada 29 juta pada tahun 2010 kepada 42 juta pada tahun 2050, iaitu

peningkatan sebanyak lebih kurang 45%. Dengan peningkatan penduduk ini, permintaan bekalan air domestik dan industri dijangka meningkat daripada 5.3 bilion meterpadu pada tahun 2010 kepada 9.4 bilion meterpadu pada tahun 2050, iaitu peningkatan sebanyak lebih 75%. Bagaimanapun keperluan air bagi pengairan untuk tanaman padi dijangka mengalami pengurangan sebanyak 12 % daripada 8.2 bilion meterpadu pada tahun 2010 kepada 7.2 bilion meter padu pada tahun 2050.

Jika dilihat daripada bekalan sumber air yang ada, ternyata dari segi sumbernya, air yang terdapat di Malaysia adalah mencukupi untuk keperluan semua sektor. Walaupun demikian, sumber yang ada ini perlu dibangunkan dengan projek infrastruktur bekalan air bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah-langkah yang konkret dalam memastikan sumber air sentiasa mencukupi termasuk dengan mencadangkan pembinaan empangan dan takungan pelbagai guna untuk kegunaan bekalan air.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pengurusan sumber air negara dilaksanakan secara bersepadu dan holistik, pihak Kerajaan sedang dalam proses penyediaan Dasar Sumber Air Negara dan perundangan yang berkaitan. Dasar dan perundangan ini akan mengambil kira semua aspek yang mempengaruhi pengurusan sumber air negara dari aspek bekalan serta pengagihan untuk keperluan semua sektor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA :** **DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI**

**[TITIWANGSA ]**

**TARIKH**

**16 MAC 2011**

## **SOALAN**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa ]** minta **MENTERI KESIHATAN**

menyatakan apakah rasionalnya dilaksanakan Klinik 1 Malaysia serta berapa kos untuk membina klinik ini, berapa buah telah dilaksanakan, syarikat mana yang mendapat kontrak mengubahsuai dan menyediakan kelengkapan, berapa tenaga kerja dikerah di ke semua klinik ini dan adakah ia tidak menjelaskan klinik-klinik swasta berhampirannya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Klinik 1 Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan dikawasan bandar khususnya. Pelanggan Klinik 1 Malaysia tidak menunggu lama untuk mendapatkan rawatan penyakit ringan. Sehingga akhir Januari 2011, sebanyak 79 Klinik 1 Malaysia telah diwujudkan dimana 53 telah beroperasi pada tahun 2010 dan 26 buah telah beroperasi pada tahun 2011. Pecahan 79 Klinik 1 Malaysia mengikut negeri adalah seperti jadual dibawah:

| <b>Negeri</b> | <b>Jumlah</b> |
|---------------|---------------|
| Perlis        | 1             |
| Kedah         | 5             |
| Pulau Pinang  | 7             |

|                 |           |
|-----------------|-----------|
| Perak           | 7         |
| Selangor        | 8         |
| WP Kuala Lumpur | 6         |
| Negeri Sembilan | 5         |
| Melaka          | 4         |
| Johor           | 9         |
| Pahang          | 5         |
| Terengganu      | 4         |
| Kelantan        | 6         |
| Sarawak         | 6         |
| Sabah           | 5         |
| W.P Labuan      | 1         |
| <b>Jumlah</b>   | <b>79</b> |

Kos memulakan perkhidmatan kesemua Klinik 1 Malaysia ini adalah sebanyak RM 6.5 juta. Jumlah kos ini adalah termasuk ubahsuai bangunan, pembelian peralatan perubatan dan peralatan bukan perubatan pada tahun 2010 (RM2.5 juta) dan tahun 2011 (RM4.0 juta). Setiap negeri akan mengenalpasti syarikat/kontraktor untuk menjalankan kerja pengubahsuaian diperingkat Pejabat Kesihatan Daerah. Pemilihan kontraktor berdasarkan tatacara perolehan sediaada iaitu berdasarkan harga, kualiti kerja dan rekod syarikat/kontraktor berkenaan.

Sehingga kini, sebanyak 300 perjawatan telah diwujudkan bagi Klinik 1 Malaysia yang terdiri daripada 100 Penolong Pegawai Perubatan, 100 Jururawat dan 100 Pembantu Perawatan Kesihatan. Semua jawatan telah di isi.

Klinik 1 Malaysia yang dikendalikan oleh kumpulan paramedik dan klinik swasta yang dikendalikan oleh doktor swasta tidak bersangg antara satu sama lain untuk mendapatkan pelanggan kerana skop perkhidmatan yang berbeza. Klinik 1 Malaysia hanya menyediakan rawatan untuk penyakit ringan yang boleh disediakan oleh paramedik berbanding perkhidmatan klinik swasta yang dapat memberi rawatan penyakit yang lebih kompleks yang memerlukan kepakaran seorang doktor perubatan yang bertauliah.

Sehingga 20 Februari 2011, sebanyak 1,632,210 kedatangan pesakit telah dilaporkan dari

kesemua Klinik 1 Malaysia diseluruh negara. Jumlah ini termasuk 283,042 kedatangan di 25 Klinik 1 Malaysia yang beroperasi pada bulan Januari 2011. Melihat kepada jumlah kedatangan pesakit ini, ianya menunjukkan sambutan rakyat yang cukup menggalakkan dan ianya adalah relevan untuk dipertingkatkan



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

|                   |   |
|-------------------|---|
| <b>PERTANYAAN</b> | <b>JAWAB LISAN</b>                      |
| <b>DARIPADA</b>   | <b>TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN 16</b> |
| <b>TARIKH</b>     | <b>MAC 2011 (RABU)</b>                  |
| <b>SOALAN</b>     |   |

**N0.33**  
**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan tindakan Kerajaan bagi memastikan pembelajaran penuntut kita di Mesir tidak terjejas setelah tertangguti pengajian mereka akibat rusuhan yang berlaku**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya amat perihatin dalam kes pelajar Malaysia di Mesir yang terjejas akibat rusuhan di negara berkenaan. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan pembelajaran pelajar-pelajar Malaysia yang di bawa pulang tidak terganggu. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah terdiri daripada mereka yang mengikuti program pengajian Islam, perubatan, pergigian dan farmasi.

Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan satu Pasukan Petugas (*Task Force*) bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh pelajar. Pasukan petugas ini juga dianggotai oleh Kementerian

Kesihatan Malaysia serta penaja-penaja utama pengajian pelajar di Mesir. Pasukan ini ditugaskan untuk mencari alternatif terbaik bagi memastikan pembelajaran pelajar tidak akan terganggu dan mengelakkan mereka daripada gagal menamatkan pengajian sekiranya keadaan di Mesir masih tidak berubah. Di antara langkah-langkah yang dirancang ialah:

- i) Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia akan menyediakan penempatan kepada mana-mana pelajar perubatan tahun 4,5 dan 6 yang ingin menjalankan latihan pendedahan klinikal di hospital-hospital di bawah seliaan Kementerian Kesihatan;
- ii) institusi pengajian tinggi awam juga akan menyediakan penempatan kepada mana-mana pelajar program pergigian dan farmasi tahun 4 dan 5 yang ingin mendapatkan latihan pendedahan klinikal;
- iii) bagi pelajar-pelajar pengajian Islam pula, banyak institusi pengajian tinggi swasta yang boleh menempatkan mereka sekiranya memilih untuk melanjutkan pengajian di Malaysia; dan
- iv) pelajar-pelajar perubatan, pergigian dan farmasi yang mengikuti latihan pendedahan klinikal dibenarkan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, makmal, menghadiri kuliah dan demonstrasi.

Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan wakil KPT yang telah mengadakan perbincangan dengan universiti-universiti di Mesir, keadaan telah kembali pulih dan pelajar-pelajar Malaysia dibenarkan mendaftar ke universiti-universiti masing-masing dalam tempoh 12 Mac hingga 8 April

2011.

**NO. AUP**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH 16 MAC 2011**

**RUJUKAN : 3375**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk menangani jenayah yang kian berleluasa di daerah Manjung hinggakan rakyat telah hilang keyakinan kepada pihak polis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM sedang melaksanakan pelbagai langkah Pencegahan Jenayah dan telah mengatur strategi bagi menangani masalah jenayah seluruh negara. Diantara langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM adalah

Pelaksanaan konsep “Community Policing” yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, program ini telah memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti.

PDRM juga telah mengadakan program '*stop and talk*' iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai serta berinteraksi dengan orang-ramai untuk mendapatkan maklumat berkenaan kegiatan jenayah dikawasan tersebut. Kehadiran anggota berpakaian uniform dan interaksi dengan masyarakat setempat di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep '*Police Omnipresence*', dimana ia akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah. Rondaan kereta peronda (MPV) juga telah dipertingkatkan dan diadakan sepanjang masa di kawasan yang



akan mendapat respon yang cepat daripada anggota MPV yang bertugas 24 jam.

Selain daripada itu, Ketua Polis Daerah juga telah diarahkan supaya mengadakan program-program bersama masyarakat setempat sebagai satu 'platform' untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk bertemu polis dan berbincang tentang masalah-masalah yang dihadapi berkaitan jenayah dan juga sebagai peluang untuk menyalurkan maklumat mengenai kejadian jenayah di kawasan mereka.

Dalam pada itu, program "Rakan Cop" telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah dengan menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline 03- 2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**                    **LISAN**

**DARIPADA :**                DATO'SERI ONG KA CHUAN

[ TANJONG MALIM ]

**TARIKH**                    :        16 MAC 2011

**SOALAN**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan rancangan Kementerian Sumber Asli dan Alam

Sekitar (Kementerian) untuk meneliti cadangan tebatan banjir yang lebih berkesan bagi mengatasi masalah banjir di Kampung Berop, Tanjung Malim iaitu dengan menyalur semula (divert) Sungai Berop dari Taman Bernam terus ke Sungai Bernam.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau masalah banjir di kawasan-kawasan yang sering berlaku banjir di kawasan Parlimen Tanjung Malim termasuk di Kampung Berop, Tanjung Malim.

Dalam mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut, satu perancangan program-program jangka pendek dan jangka panjang yang berbentuk struktur dan bukan struktur telah dilaksanakan.

Bagi kerja-kerja jangka pendek, pihak JPS telah melakukan penyelenggaraan sungai-sungai yang tidak berkeupayaan untuk menampung pertambahan kadar air.

Kerja penyelenggaraan temasuklah menebas, mendalam dan melebarkan sungai, membuang halangan yang menyekat aliran sungai. Kerja ini dilaksanakan secara berkala dari setahun ke setahun bergantung kepada peruntukan yang diterima.

Pihak JPS Negeri Perak juga telah melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir di kawasan tersebut pada tahun 2009. Di Pekan Tanjung Malim, pihak JPS telah memasang dua (2) buah pam jenis 'submersible' di Sungai Berop sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah banjir di Kampong Berop dan Kampong Ketoyong.

Berhubung cadangan menyalur semula Sungai Berop dari Taman Bernam terus ke Sungai Bernam, pihak JPS sedang meneliti secara terperinci memandangkan pelaksanaan projek tersebut melibatkan pengambilan balik tanah kawasan perumahan dan tanah milik di dalam kawasan Majlis Perbandaran Tanjung Malim dengan anggaran kos sebanyak RM 10.0 juta. Cadangan pilihan telah dikenalpasti oleh pihak JPS dengan kerjasama Majlis Perbandaran untuk melaksanakan projek pembinaan kolam takungan di Taman Sentosa dan pengaluran Sungai Berop di kawasan Taman Bernam dengan anggaran kos RM 500 ribu. Selain itu, pihak JPS sedang merancang untuk menambah bilangan pam di Sg Berop bagi mempercepatkan pengaliran air ke

Sungai Bernam sekiranya berlaku banjir kilat. Pihak JPS akan melaksanakan projek-projek seperti pengaluran sungai, pembinaan ban, pengambilan balik tanah, perlindungan tebing sungai dan membina rumah pam bagi seluruh Daerah Batang Padang sekiranya peruntukan yang sewajarnya diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Selain itu, pihak JPS juga telah mengambil langkah bukan struktur dengan memberi khidmat nasihat dan ulasan teknikal berhubung perancangan aktiviti pembangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan dan agensi -agensi Kerajaan serta pihak swasta yang sedang atau akan membangunkan sesuatu kawasan. Khidmat nasihat teknikal ini melibatkan keperluan dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani atau mengelakkan daripada berlakunya banjir. Pemantauan terhadap aktiviti pembangunan tanah pula akan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap pembangunan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dengan kerjasama PBT untuk mengawal hakisan daripada memasuki sungai-sungai.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA                    TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN**  
**[ PASIR PUTEH ]**  
**TARIKH                    16 MAC 2011**  
**SOALAN**

Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peruntukan yang disediakan untuk biasiswa kepada pelajar jurusan pengajian Islam (melalui JPA atau agensi lain) berbanding dengan jumlah keseluruhan biasiswa yang diberi kepada pelajar di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT).

**JAWAPAN:** **YB. DATO\* SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedia menaja pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bergantung kepada peruntukan biasiswa yang diluluskan setiap tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jurusan pengajian Islam diletakkan di bawah kelompok lain-

lain bidang yang mana diperuntukkan **10 peratus** berbanding jumlah keseluruhan biasiswa yang disediakan.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**                    **LISAN**

**DARIPADA**                    :     DATIN LINDA TSEN THAU LIN

[BATU SAPI]

**TARIKH**                    :     16 MAC 2011

**SOALAN**

Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah cara untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh dan banjir di masa akan datang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian tanah runtu boleh dikurangkan dengan mengawal pembangunan di kawasan cerun dan menyediakan langkah-langkah untuk melindungi cerun.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek berbentuk struktur dan langkah-langkah bukan struktur untuk mengurangkan risiko banjir. Kerja-kerja kejuruteraan yang telah dijalankan termasuklah pembinaan empangan, kolam takungan, benteng sungai, stesen pam serta kerja melebarkan dan mendalamkan sungai. Projek-projek ini dilaksanakan berdasarkan keperluan, keutamaan dan peruntukan yang diterima. Penyelesaian masalah banjir di seluruh negara akan memerlukan kos yang sangat tinggi dan masa yang lama untuk menyiapkannya memandangkan terdapat pelbagai isu yang perlu ditangani seperti pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti.

Sebagai langkah untuk mengurangkan kejadian banjir, Kerajaan telah menerbitkan satu garispanduan iaitu Manual Saliran Mesra Alam yang mengandungi prosedur-prosedur untuk mengurangkan air larian dan juga hakisan semasa menjalankan kerjatanah untuk dipatuhi pemaju dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Sungai-sungai juga diselenggara secara berkala untuk memastikan aliran sungai yang lancar. Kerajaan juga menetapkan semua lintasan menyeberangi parit dan sungai mengambilkira tahap banjir supaya tidak menghalang aliran sungai.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO: 38

PARLIMEN MALAYSIA  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**TARIKH  
SOALAN**

**JAWAPAN OLEH**

**JAWAB LISAN**

**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [**

**Kota Bharu ]**

**16 MAC 2011 (RABU)**

**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [**

**Kota Bharu ] minta MENTERI PERTANIAN DAN**

**INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilakah projek**

**pembinaan Pelabuhan Tok Bali, Kelantan akan**

**dimulakan.**

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**

**ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

Pembinaan Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) di Tok Bali, Kelantan telah siap 100 peratus. Manakala pengoperasian pelabuhan ini dijangka akan dimulakan

SOALAN NO: 39

pada bulan April 2011.

**No. SOALAN:**

**39 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANAYAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]**

**TARIKH**

**16 Mac 2011 (Rabu)**

**SOALAN** **Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) berapakah jumlah projek serta peruntukan yang telah diperuntukkan di dalam pelaksanaan program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) terutama bagi negeri Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah projek yang telah dirancang untuk kawasan Bintulu dan jumlah peruntukan yang disediakan.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)**

Di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada tahun 2010 khususnya untuk NKRA meningkatkan infrastruktur luar bandar di Sarawak, sepanjang 244km jalan raya telah dibina, 4,004 rumah dan 12,256 rumah telah disambungkan dengan bekalan air bersih dan bekalan elektrik, manakala sebanyak 7,331 rumah kos rendah telah dibina atau dibaikpulih.

Dengan infrastruktur asas tersebut disediakan, dapat dipermudahkan lagi hubungan antara komuniti luar bandar dengan kemudahan asas seperti sekolah, pusat komuniti, pasar komersial dan infrastruktur telekomunikasi serta dijanakan pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi, supaya dapat meningkatkan lagi taraf dan mutu hidup masyarakat luar bandar. Melalui GTP, pihak Kerajaan kini lebih mementingkan hasil atau 'outcome' bagi manfaat rakyat, berbanding dengan hanya 'input' seperti peruntukan yang diberikan untuk melaksanakan sesuatu projek yang

berkenaan.

Selama ini, sebanyak lebih daripada RM1 bilion telah diberikan kepada Sarawak untuk tujuan pembinaan kemudahan asas luar bandar pada tahun 2010 sahaja. Pada tahun 2011, peruntukan hampir RM2.7 bilion telah dikenal pasti untuk menjayakan pembinaan infrastruktur tersebut.

Untuk kawasan Bintulu pula, pada tahun 2011 sebanyak 9 projek telah dirancang termasuk pembinaan jalan-jalan raya, jalan-jalan kampung, dan juga institut kemahiran di bawah pengurusan MARA. Jumlah peruntukan bagi kesemua projek tersebut bernilai RM155.8 juta.

Kepantasan untuk menyiapkan inisiatif-inisiatif di bawah NKRA pada tahun 2010 tidak pernah dilihat dalam sejarah negara kita. Adalah dijangka momentum ini akan diteruskan. Ini menunjukkan pihak Kerajaan amat berkomited dalam Program Transformasi Kerajaan selaras dengan sasaran "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Kesemua sasaran-sasaran tinggi yang telah dicapai pada tahun 2010 adalah hasil daripada kolaborasi dan kerjasama yang rapat antara semua agensi Kerajaan Pusat, dan juga dengan kerajaan-kerajaan negeri yang tertentu, untuk memastikan penyampaian kemudahan-kemudahan tersebut kepada Rakyat adalah efisyen dan tepat pada masanya.



**SJ.B/(54)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI)**

**DARIPADA**

**LISAN**

**PERTANYAAN**

**16.03.2011**

**TARIKH**

**Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) minta MENTERI KEWANGAN**

menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti perjudian di Singapura semenjak kewujudan kasino terutamanya penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia dan negeri Johor khasnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai kuasa di bawah mana-mana undang-undang perjudian untuk menghalang penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia, khasnya dari negeri Johor untuk memasuki negara Singapura untuk berjudi.

NO. AUM : 44

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' NGEH KOO HAM**

**TARIKH 16 MAC 2011**

**RUJUKAN 3376**

**SOALAN:**

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah kes yang telah disiasat dan didakwa mahkamah dimana ejen - ejen mengeluarkan atau memperbaharui permit pekerjaan palsu hingga ke pekerja - pekerja asing yang tidak tahu perbuatan mereka telah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman di mahkamah untuk 5 tahun kebelakangan ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan mendapat atau memperbaharui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) di Pejabat Imigresen perlu dibuat oleh majikan atau orang yang dilantik oleh majikan untuk menguruskan dokumen tersebut. Sekiranya majikan melantik mana-mana agen untuk menguruskan bagi pihaknya dan mendapat PLKS palsu, majikan tersebut perlu membuat laporan polis. Seterusnya, pihak polis akan membuat siasatan.

Jabatan Imigresen Malaysia ada menerima laporan mengenai dokumen palsu yang dimiliki pekerja asing dan tindakan undang-undang yang telah diambil ke atas pemilik. Namun begitu, pihak ketiga yang menguruskan dokumen tersebut masih dalam siasatan.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jabatan Imigresen Malaysia telah mengadakan operasi (Ops Serkap) sebanyak 222 pada tahun 2008 hingga 2010. Hasil daripada operasi tersebut pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah membuat tangkapan sebanyak 73 kes di bawah kesalahan seksyen 55D Akta Imigresen 1959/63 (Pind) 2002 iaitu kegiatan memalsukan dokumen dan sebanyak 509 tangkapan dibawah kesalahan seksyen 12(1) Akta Pasport 1966 iaitu memiliki atau menggunakan dokumen palsu. Daripada jumlah tangkapan tersebut sebanyak 17 orang didakwa di bawah kesalahan seksyen 55D Akta Imigresen 1959/63 (Pind)

2002 dan 509 orang di bawah kesalahan seksyen 12(1) Akta Pasport 1966 iaitu memiliki atau menggunakan dokumen palsu.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH 16 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju Pelan Reformasi Politik dijadikan tiang ke lima dalam agenda transformasi nasional menerusi pemansuhan serta merta pengisytiharan darurat.

**JAWAPAN: DATO<sup>5</sup>SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Proklamasi darurat boleh dimasyhurkan apabila keadaan keselamatan, atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam Negara terancam. Perkara ini termaktub di dalam Fasal (1) Perkara 150

**Perlembagaan Persekutuan, seperti yang berikut:**

**“Proklamasi Darurat**

**150. (1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat dengan membuat dalamnya suatu perisyiharan yang bermaksud sedemikian.”.**

**2. Sejak kemerdekaan sehingga kini, sebanyak empat Proklamasi**

**Darurat telah diisyiharkan seperti yang berikut:**

- (a) Proklamasi Darurat yang diisyiharkan pada 3 September 1964 bagi seluruh Persekutuan;**
- (b) Proklamasi Darurat yang diisyiharkan pada 15 Mei 1969 bagi seluruh Persekutuan;**
- (c) Proklamasi Darurat yang diisyiharkan pada 14 September 1966 di Sarawak; dan**
- (d) Proklamasi Darurat yang diisyiharkan pada 8 November 1977 di Kelantan.**

**3. Proklamasi Darurat pada tahun 1964 telah terbatal secara implikasi oleh Proklamasi Darurat pada tahun 1969 sebagaimana yang diputuskan oleh**

*Privy Council dalam kes Teh Cheng Poh Iwn Public Prosecutor [1979] 1 MLJ 50.*

4. Tiga Proklamasi Darurat yang masih wujud ialah Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak, Proklamasi Darurat pada tahun 1969 di Persekutuan dan Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan.

5. Proklamasi Darurat pada tahun 1969 masih berkuat kuasa kerana Proklamasi Darurat pada tahun 1977 dengan jelas tidak menyentuh Proklamasi Darurat pada tahun 1969. Dalam Proklamasi Darurat 1977, terdapat peruntukan yang menyatakan-

“DAN BETA adalah dengan ini mengakui bahawa Perisytharan ini tidaklah dengan apa-apa cara mengurangkan kuasa, tetapi hendaklah menjadi tambahan kepada Perisytharan Darurat yang dikeluarkan oleh BETA pada 15hb Mei 1969 yang disiarkan dalam Warta No. P.U. (A) 145 pada tarikh yang sama.”.

6. Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membatalkan Proklamasi dan ordinan darurat atau ia terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh Dewan Rakyat atau Dewan Negara yang mengungkai (*annul*) proklamasi atau ordinan itu. Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa -

**“Proklamasi darurat**

**150.** (3) Proklamasi Darurat dan apa-apa ordinan yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) hendaklah **dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen** dan, **jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis yang mengungkapkan Proklamasi atau ordinan itu**, tetapi tanpa menjaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelumnya menurut kuasa Proklamasi atau ordinan itu atau tanpa menjaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan suatu Proklamasi baru di bawah Fasal (1) atau memasyhurkan apa-apa ordinan di bawah Fasal (2B).”.

7. Melainkan jika Proklamasi Darurat diungkai atau dibatalkan di bawah Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, maka Proklamasi Darurat akan berterusan. Sebagai tambahan, Fasal (2C) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa sesuatu ordinan yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya seolah-olah ordinan itu ialah Akta Parlimen sehingga ordinan itu dibatalkan atau diungkai di bawah Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

8. Pada pandangan Kerajaan, Proklamasi Darurat pada tahun 1969 masih wajar dikekalkan atas sebab seperti yang berikut:

(a) adalah wajar bagi Kerajaan untuk mengekalkan Proklamasi Darurat pada tahun 1969 kerana jika tidak, undang-undang yang telah diperbuat semasa Proklamasi Darurat sedang

berkuat kuasa akan terhenti berkuat kuasa mengikut Fasal (7)

Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dan ini akan menimbulkan kesukaran kepada Kerajaan untuk mengawal jenayah dan isu-isu yang melibatkan ketenteraman awam; dan

- (b) kemungkinan terdapat keperluan supaya undang-undang diperbuat dengan segera oleh YDPA semasa Parlimen tidak bersidang bagi menangani masalah berhubung dengan

5

keselamatan Negara antaranya yang melibatkan ancaman penganas serta keselamatan dan ketenteraman awam yang tidak diliputi dalam undang-undang sedia ada.

9. Walau bagaimanapun, Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak dan Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan wajar dibatalkan kerana kedua-dua Proklamasi Darurat tersebut sudah tidak relevan pada masa ini kerana ia dibuat untuk menangani situasi yang berlaku di kedua-dua Negeri tersebut pada masa itu.

10. Kesan sekiranya Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak dan Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan dibatalkan adalah seperti yang berikut:

- (a) jika Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak dibatalkan, maka *Emergency (Federal Constitution and the Constitution of Sarawak) Act 1966* yang telah berkuat kuasa

pada 20 September 1966 akan terbatal dalam tempoh 6 bulan dari pembatalan Proklamasi itu;

- (b) jika Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan dibatalkan, ia tidak akan memberi kesan kepada mana-mana undang-undang kerana Akta Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 [Akta 192] yang meminda Perlembagaan Negeri Kelantan dengan mengalihkan pemerintahan daripada Menteri Besar kepada Pengarah Kerajaan (*Director of Government, State of Kelantan*) telah dimansuhkan melalui P.U(A)46/1978 bertarikh 12 Februari 1978; dan
- (c) undang-undang yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat pada tahun 1969 masih terpakai bagi seluruh Persekutuan walaupun kedua-dua Proklamasi Darurat tersebut dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR  
BIN  
ZAKARIA  
(PARIT)**

**TARIKH : 16 MAC 2011**

## **SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan meneliti semula sistem pembelajaran tadika KEMAS yang dilihat kurang efektif dan tidak selaras mengikut perkembangan zaman. Penstrukturkan semula perlu dibuat agar lebih komprehensif supaya kanak-kanak lebih pintar bukan sahaja dari segi intelektual,fizikal, spiritual, sahsiah dan rohani, malah**

**dari segi kebolehan untuk bertutur dalam banyak bahasa. Jika dibandingkan sekarang, tadika KEMAS jauh lebih ketinggalan dengan tadika swasta.**

## **JAWAPAN :**

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubal satu kurikulum yang dinamakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan sebagai garis panduan untuk digunakan oleh semua pusat-pusat pendidikan prasekolah dan telah diwajibkan penggunaannya berkuat kuasa pada 1 Januari 2003. Mulai 1 Januari 2010, kurikulum ini telah digubal semula mengikut perkembangan semasa dan dinamakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

Semua Tabika KEMAS telah mengguna pakai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan mulai 1 Januari 2010 telah mengguna pakai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan ini memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial serta penguasaan literasi asas 4M (membaca, menulis, mengira

dan menaakul). Ini terkandung di dalam 6 tunjang yang telah digariskan iaitu :

- i. Tunjang Komunikasi;
- ii. Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai;
- iii. Tunjang Keterampilan Diri;
- iv. Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika;
- v. Tunjang Sains dan Teknologi; dan
- vi. Tunjang Kemanusiaan

Selain itu, kurikulum ini juga memberi penekanan kepada penyampaian pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebanyak 50% dan Bahasa Inggeris sebanyak 50%. Bagi memastikan kurikulum ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, mulai tahun 2006, KEMAS telah menaiktarafkan taraf pendidikan guru-guru Tabika KEMAS dari Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kepada taraf diploma. Dari jumlah seramai 8,752 orang guru-guru Tabika KEMAS seluruh Malaysia, seramai 3,258 orang (37.2%) adalah berkelulusan diploma. Seramai 1,658 orang (19%) sedang mengikuti pengajian peringkat diploma dan seramai 3,836 orang (43.8%) akan mengikuti pengajian peringkat diploma mulai tahun 2011, secara berperingkat sehingga tahun 2015.

Selain dari itu, guru-guru KEMAS juga diberi kursus dalam perkhidmatan dari masa kesmasa bagi meningkatkan tahap profesionalisme mereka dan pendedahan kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

### **PERTANYAAN: LISAN**

**SOALAN NO:fr**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMOR]**

**TARIKH : 16 MAC 2011**

**SOALAN**

Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah fail dan siasatan yang telah dibuka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan hasilnya berikutan dengan pendedahan oleh laman Sarawak Report mengenai rasuah dan salah guna kuasa oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud, dan lain personaliti Sarawak.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

**SOALAN NO: 45**

Untuk makluman YB Ipoh Timor, isu ini dalam tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Hasil dan butir-butir lanjut mengenai siasatan adalah rahsia dan tidak boleh didedahkan sebagaimana Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**JAWAB LISAN**

**DATO<sup>1</sup> HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED**

**TARIKH  
SOALAN**

**SAID [KUALA KRAU]**

**16 MAC 2011 [RABU]**

**DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED**

**SAID [ Kuala Krau ] minta MENTERI**

**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan jumlah dana yang digunakan melalui skim bantuan kewangan dan program khusus untuk Skim Belia Tani dan Usahawan Tani khusus kepada belia FELDA bagi tempoh 2005 hingga 2010.

**JAWAPAN OLEH**

**Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas**

**Tani**

**Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

Terdapat 2 sumber dana bagi bantuan kewangan untuk Skim Belia Tani dan Usahawan Tani. Di bawah program Belia Tani ianya dikendalikan oleh Agrobank di bawah peruntukan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Objektif pembiayaan adalah membantu belia mempertingkatkan diri dalam aktiviti yang berdasarkan pertanian dan industri asas tani. Sehingga kini Agrobank telah meluluskan sejumlah RM19.122 juta kepada 531 orang belia seluruh negara. Daripada

## **SOALAN NO: 47**

jumlah kelulusan ini, bilangan belia FELDA adalah seramai 53 orang dengan pembiayaan berjumlah RM1.7juta.

Manakala di bawah Skim Usahawan Tani Komersial (SUTKS) di bawah peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang bertujuan untuk membantu siswazah menjadi usahawan dalam bidang pertanian, Agrobank telah mengeluarkan pembiayaan kepada 326 orang pelanggan dengan pembiayaan sebanyak RM12.5 juta. Dari jumlah ini 17 orang melibatkan belia FELDA dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM0.7 juta

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**

**[JERAI]**

**TARIKH                    16 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang dibelanjakan bagi melaksanakan program-program Kerajaan di DUN Tenang sepanjang Januari 2011 dan apakah jumlah perbelanjaan itu terkandung di dalam Bajet 2011 yang diluluskan pada sesi yang lalu.

**JAWAPAN:**

Yang Di-Pertua,

Sepanjang Januari 2011 lalu, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM5.968 juta** bagi melaksanakan **85 program** di sekitar kawasan DUN

## **SOALAN NO.: 46**

Tenang di bawah Peruntukan Khas YAB. Perdana Menteri. Kelulusan program ini adalah DEMBERITAHUAN PERTAMA DAN DEWAN RAKYAT bagi pihak seperti pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), persatuan penduduk dan rukun tetangga, jawatankuasa masjid dan kuil dan sebagainya. Peruntukan bagi program-program berkenaan telah diambilkira dalam Bajet 2011.

**No. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. TUAN LIANG TECK MENG** **( SIMPANG RENGGAM )**

**TARIKH** **16 MAC 2011 ( RABU )**

**SOALAN** **Y.B. TUAN LIANG TECK MENG** minta **PERDANA**

**MENTERI** menyatakan apakah sasaran-sasaran utama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk tahun 2011. Apakah tahap perpaduan Negara telah diperkuuhkan sepanjang tahun 2010 yang lalu. Jika belum, nyatakan langkah-langkah segera yang perlu diambil.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)**

Kerajaan Persekutuan, khasnya melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ( JPNIN ), sentiasa memikirkan dan menerokai apakah pendekatan dan kaedah yang terbaik untuk memelihara, mengekal, mengukuh dan meningkatkan lagi perpaduan masyarakat pelbagai kaum, agama dan kebudayaan di negara kita ini. Strategi dan Pelan Tindakan yang telah dilaksanakan bagi tempoh lima tahun (2006- 2010) perlu dinilai kembali dan dibuat penambahbaikan supaya pelan tindakan baru bagi tempoh selanjutnya nanti adalah selari dengan aspirasi rakyat dan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang maju, rakyat yang berpendapatan tinggi dan masyarakat yang bersatupadu menjelang Tahun 2020.

Pelaksanaan pelan tindakan ini telah diberi suntikan kuat dengan pelaksanaan gagasan 1 Malaysia, sejak YAB Perdana Menteri sekarang mula menerajui pentadbiran dengan gagasan 1 Malaysia. Antara pencapaian yang dihasilkan oleh JPNIN pada 2009 dan 2010 ialah penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang baru sebanyak 513

dan 550, jauh melebihi sasaran 300 setahun yang ditetapkan mengikut pelan tindakan, penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sebanyak 496 dan 466 berbanding dengan sasaran 300 setahun, manakala 128 dan 172 orang mediator telah dilatih. Ini mencerminkan usaha memperluaskan dan memperkasakan institusi perpaduan di akar umbi.

Selaras dengan gagasan 1 Malaysia, JPNIN sedang menggubal Pelan Tindakan Perpaduan Nasional bagi tempoh 2011 - 2015 yang lebih menyeluruh, bersepada dan berfokus. Fokus utama pelan ini akan tertumpu kepada bidang-bidang ekonomi, pendidikan, sosial, agama, politik dan kerajaan. Untuk mempastikan pelan baru yang digubal berpaksikan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta menepati Wawasan 2020 dan Gagasan 1 Malaysia, maka ianya akan merangkumi aspek-aspek relevan dari perancangan dan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE), Rancangan Malaysia Ke10 (RMKe10), Dasar Sosial Negara, Dasar Pendidikan Negara, Dasar Belia Negara dan sebagainya. Ianya juga akan mengambilkira beberapa isu semasa yang mendatangkan impak terhadap perpaduan.

Di antara teras-teras strategi yang akan diberi keutamaan ialah :

- i) . Mendokong segala sasaran Wawasan Negara.
- ii) . Memupuk komitmen patriotik dan sayangi negara.
- iii) . Mengkekalkan keamanan dan kestabilan politik.
- iv) . Membudayakan keharmonian dan semangat muhibbah
- v) . Menjalin dan memantapkan hubungan antara kelompok
- vi) . Mengalakkan kerjasama untuk pertumbuhan ekonomi

- vii) . Meningkatkan kualiti hidup dan kualiti alam sekitar
- viii) . Mengurangkan jurang ketaksamaan sosio ekonomi antara golongan.
- ix) . Membentuk masyarakat berminda positif dan liberal.
- x) . Melahirkan generasi pelapis bangsa yang holistik

Di samping itu, pelan tindakan akan mencadangkan supaya JPNIN berperanan sebagai agensi pusat (*central agency*) yang memantau pelaksanaan semua dasar kerajaan sedia ada yang membawa impak terhadap perpaduan negara dan integrasi nasional. Selain dari itu, kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di antara Penganut Agama, supaya dapat menganjurkan forum, dialog, dan seminar, serta program-program dan aktiviti- aktiviti yang bertujuan menggalakkan penyatuan dan kerjasama antara penganut- penganut agama yang berlainan untuk bersama-sama menangani cabaran-cabaran bersama seperti penderitaan orang-orang yang kurang bernasib baik, isu-isu gejala sosial, masalah kesihatan dan masalah alam sekitar.

Berdasarkan laporan isu-isu perpaduan negara bagi tahun 2010, secara keseluruhannya keharmonian masyarakat adalah terkawal dan stabil. Walaupun Indek Ketegangan Masyarakat ( IKM ) bagi 2010 telah meningkat sedikit iaitu dari 21.6 kes per sejuta penduduk (kpsp) berbanding IKM tahun 2009 di paras 22.5 kpsp. Akan tetapi, ianya masih berada dalam lingkungan baik jika dibandingkan dengan IKM tahun 2008 sebanyak 27.9 kpsp.

Bagi tahun 2011, JPNIN akan terus berusaha untuk memantau dan menguruskan isu-isu semasa yang boleh menjaskan suasana perpaduan nasional dengan menggunakan sistem e.Sepakat untuk melaporkan dan memantau isu-isu dan

insiden-insiden secara lebih cekap, cepat dan tepat ke Pusat Sumber Maklumat dan Jawatankuasa Pemantau Isu JPNIN untuk dianalisa dengan cepat supaya tindakan sewajarnya diambil untuk menyelesaikan isu atau insiden yang timbul.

Sememangnya, usaha untuk memupuk persefahaman keharmonian dan perpaduan merupakan satu perjuangan berterusan yang mungkin tidak akan dapat selesai kerana keadaan, persepsi dan reaksi sentiasa berubah. Oleh itu, selain daripada strategi dan pelan tindakan, penglibatan dan kerjasama secara aktif, sikap dan pendekatan yang positif dari semua pihak adalah amat penting.



**PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**DARIPADA**

**DATO\* JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PET AN I]**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT**

**16 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**NO. 48**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

- (a) berapakah nilai keseluruhan subsidi gas yang diberikan kepada semua Penjana Kuasa Bebas (IPP) dari tahun 2001 hingga Disember 2010; dan
- (b) berapa nilai cukai yang dibayar oleh setiap IPP ini untuk tahun- tahun tersebut dan senaraikan mengikut syarikat.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak pernah memberikan subsidi yang dikeluarkan secara langsung dalam bentuk kewangan kepada penjana kuasa bebas atau *independent power producers* (IPP). Sebaliknya, Kerajaan telah memberikan subsidi kepada sektor

elektrik dalam bentuk harga gas yang rendah yang akhirnya akan dinikmati oleh rakyat dalam bentuk tarif elektrik yang berpatutan. Kerajaan telah menetapkan harga gas pada kadar RM6.40/mmBtu yang berkuat kuasa semenjak Mei 1997 dan dinaikkan kepada RM14.31/mmBtu pada tahun 2008. Berdasarkan trend penurunan dalam harga minyak di pasaran antarabangsa, mulai 1 Mac 2009, harga gas kepada sektor elektrik telah dikurangkan kepada RM10.70/mmBtu sehingga sekarang.

Jumlah subsidi gas bagi Sektor Elektrik yang merangkumi penjana kuasa bebas dan TNB sejak mula diperkenalkan pada Mei 1997 sehingga tahun 2010 adalah berjumlah sebanyak RM96.726 bilion.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah cukai yang dibayar oleh IPP di Semenanjung dari tahun 2005 hingga tahun 2009 adalah seperti berikut:

| <b>SENARAI IPP</b> |  | <b>JUMLAH CUKAI (RM)</b> |
|--------------------|--|--------------------------|
| 1.                 | Port Dickson Power Berhad                    | 138,035,000              |
| 2.                 | Segari Energy Ventures Sdn. Bhd.             | 492,608,000              |
| 3.                 | YTL Power Generation Sdn. Bhd.               | 445,597,000              |
| 4.                 | Penglima Power Sdn. Bhd.                     | 199,933,000              |
| 5.                 | Powertek Berhad                              | 210,405,000              |
| 6.                 | Genting Sanyen Power Sdn. Bhd.               | 381,442,000              |
| 7.                 | Pahlawan Power Sdn. Bhd.                     | 82,685,000               |
| 8.                 | GB3 Sdn. Bhd.                                | 123,609,000              |
| 9.                 | Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn. Bhd. | 133,203,000              |
| 10.                | Tanjung Bin Power Sdn. Bhd.                  | 385,188,000              |

|   |                                 |                      |
|---|---------------------------------|----------------------|
| 11.                                     | Kapar Energy Ventures Sdn. Bhd. | 26,015,000           |
| 12.                                     | Prai Power Sdn. Bhd.            | 46,937,000           |
| 13.                                     | TNB Janamanjung Sdn. Bhd.       | 478,557,000          |
| <b>JUMLAH CUKAI DIBAYAR (2005-2009)</b> |                                 | <b>3,144,214,000</b> |

Di samping itu, setiap IPP diminta untuk menyumbang 1% daripada jumlah hasil tahunan yang diaudit ditolak kos bahan api bagi tahun sebelumnya kepada Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) untuk tujuan pembangunan industri bekalan elektrik.

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN TAN TEE BENG  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 MAC 2011**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**SOALAN**

Tuan Tan Tee Beng minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sama ada syarikat TV satelit Astro masih dibenarkan untuk menapis sendiri filem-filem yang di tayang melalui salurannya memandangkan telah pernah terjadi di mana filem yang telah dilarang tayangan umum oleh Lembaga Penapis Filem (LPF)

**berjaya mendapat tayangan melalui Astro, sekali gus mensiasaikan tugas LPF.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd ataupun Astro menjalankan sistem tapisan kendiri untuk penapisan semua kandungan yang disiarkan di perkhidmatan mereka berdasarkan Garis Panduan Penapisan Bagi Syarikat Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd yang telah digubal bersama oleh Kementerian Dalam Negeri dan Lembaga Penapisan Filem.

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah berkerjasama dengan pihak Astro dan Lembaga Penapisan Filem (LPF) untuk memantapkan proses penapisan supaya pihak penyiar sentiasa merujuk kepada senarai filem-filem dilarang tayangan seperti yang ditetapkan oleh LPF untuk memastikan rakyat tidak menerima sebarang kandungan yang tidak sesuai.

Pihak SKMM juga menjalankan pemantauan terhadap siaran Astro untuk memastikan tiada filem-filem yang dilarang disiarkan.



**NO. AUM : 51**

**NO. AUP : \$0**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

|                   |  |
|-------------------|--|
| <b>PERTANYAAN</b> | <b>LISAN</b>                               |
| <b>DARIPADA</b>   | <b>PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]</b> |
| <b>TARIKH</b>     | <b>16 MAC 2011</b>                         |
| <b>RUJUKAN</b>    | <b>3377</b>                                |

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tujuan Kementerian memindahkan Balai Polis Brickfields ke Sri Petaling. Apakah pembangunan akan diadakan di tapak Balai Polis Brickfields selepas balai polis tersebut dipindahkan.

**JAWAPAN**  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Balai Polis Brickfields dipindahkan sementara ke Sri Petaling memandangkan tapak IPD dan Balai Polis Brickfields terlibat dengan projek penswastaan pembinaan semula IPD dan Balai.

Tapak IPD dan Balai Polis Brickfields akan diserahkan kepada pemaju yang melaksanakan pembinaan semula Balai Polis Travers. Sehubungan dengan itu, pembinaan semula IPD Brickfields akan dilaksanakan di tapak bersebelahan Balai Polis Travers.

/fe/: &/

**NO. AUM : 56**

**NO. AUP :£")**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN .  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH**                   **16 MAC 2011**

**RUJUKAN**               **3379**

**SOALAN:**

**Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab kelambatan untuk menyiapkan projek Ibu Pejabat Polis Daerah Lubok Antu yang jauh ketinggalan dari jadual asal.  
Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lubok Antu kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pembinaan IPD Lubok Antu dilaksanakan oleh syarikat Debessa Development Sdn. Bhd. pada 17 Januari 2007 dengan tarikh penyiapan asal adalah pada 14 Julai 2009. Walau bagaimanapun, projek ini telah diluluskan lanjutan masa sehingga 2 Februari 2010.

Kelewatan pelaksanaan projek IPD Lubok Antu adalah berpunca daripada pihak kontraktor yang telah gagal dalam merancang dan menguruskan sumber kewangan projek dengan baik. Selain tidak menunjukkan kesungguhan dalam menjalankan kerja di tapak, pihak kontraktor juga tidak melaksanakan kerja mengikut jadual kerja yang ditetapkan.

## **JAWAPAN**

Sehubungan dengan itu, pada 3 Mac 2011 Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan kepada kontraktor dengan kemajuan kerja ditapak hanya mencapai 91% siap. Sekiranya pihak kontraktor masih gagal meningkatkan kerja di tapak dalam tempoh 14 hari selepas tarikh 3 Mac 2011 tersebut, maka Notis Penamatan Kerja akan dikeluarkan kepada kontraktor.

**Setelah penamatan kerja pihak kontraktor, projek IPD Lubok Antu akan ditender semula bagi meneruskan penyiapan baki kerja.**

**NO. AUM : 64**

**NO. AUP : Sa**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]**

**TARIKH 16 MAC 2011**

**RUJUKAN 3381**

**SOALAN:**

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tentang berita di akhbar Kosmo (Khamis 30/12/2010) yang menyebut bahawa Ketua Pengarah Siasatan Jenayah Bukit Aman (Datuk Sri Bakri Mohd Zinin) mendedahkan bahawa kebanyakan kes Perdagangan Orang didalangi individu berpengaruh dan berstatus tinggi. Sejauh mana dakwaan ini benar dan apakah tindakan yang telah di ambil setakat ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik yang telah

mengemukakan pertanyaan.

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, pihak Kerajaan sentiasa peka dan menyedari akan cabaran yang dihadapi di dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang khususnya sebagai negara transit bagi jenayah ini.**

Daripada tahun 2008 sehingga Januari 2011, seramai 57 tangkapan telah dibuat melibatkan kes penjualan bayi. Daripada 57 orang yang ditangkap, terdapat 2 orang kenamaan yang berstatus Dato' telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral ini. Bagi kes tersebut, ianya telah dirujuk kepada Pendakwaraya dan masih di dalam siasatan

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa mengambil langkah bagi memastikan supaya kes-kes pemerdagangan bayi dapat ditangani untuk mengelakkan bayi-bayi ini menjadi mangsa kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, tindakan-tindakan bersepadu serta kerjasama oleh agensi-agensi penguatkuasaan dalam semua peringkat

diperhebatkan dengan mempertingkatkan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk untuk mengelakkan daripada berlakunya kegiatan pemerdagangan di Malaysia serta kerjasama yang dilaksanakan dengan negara-negara jiran bagi membantu melicinkan proses penyiasatan dan penangkapan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan berusaha secara komited untuk membanteras gejala pemerdagangan orang di mana pelbagai inisiatif telah diambil termasuk memberikan pendedahan mengenai perkara ini di media- media cetak dan media elektronik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'**

**LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA :**

**DATO'ABDUL MANAN BIN ISMAIL**

**[PAYA BESAR]**

**TARIKH**

**16 MAC 2011**

**SOALAN**

**Dato' Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI KESIHATAN**

menyatakan sejauh manakah pemantauan terhadap kos perubatan di hospital-hospital swasta elit memandangkan pesakit sering dibebani dengan harga yang tinggi setelah rawatan dijalankan. Adakah Kementerian berhasrat untuk mewajibkan hospital-hospital swasta ini menyatakan harga kos rawatan sebelum pesakit menjalani rawatan di hospital lain.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan

Jadual Ketiga Belas Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain), 2006 (Jadual Ketiga Belas) iaitu kos untuk perundingan dan prosedur perubatan, pergigian dan pembedahan yang dijalankan oleh pengamal perubatan atau pergigian swasta.

**SOALAN NO : 53**



Jadual Ketiga Belas menyatakan fi maksimum atau julat fi yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan atau pergigian yang mengamal di mana-mana hospital swasta dan dijadikan panduan oleh semua hospital swasta di Malaysia.

Pemantauan dibuat berdasarkan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi yang disemak dan seterusnya diteliti berpandukan Jadual Ketiga Belas. Pada tahun 2010, sebanyak 38 aduan terhadap hospital swasta mengenai dakwaan bil rawatan yang tinggi atau tidak berpatutan telah diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Dua (2) aduan berkaitan dengan fi profesional melampau yang dikenakan oleh pengamal perubatan swasta manakala 36 aduan selebihnya adalah mengenai fi hospital seperti fi yang dikenakan bagi ubat-ubatan, peralatan, ujian makmal, bilik dan sebagainya. Daripada jumlah keseluruhan aduan tersebut, 15 aduan dan satu (1) aduan mengenai fi profesional yang melampau telah didapati berasas.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan saranan atau peringatan kepada pihak hospital swasta supaya mematuhi fi yang tertera dalam Jadual Ketiga Belas dan mengenakan fi yang munasabah untuk lain-lain kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang diberikan kepada pesakit.

Fi, selain daripada fi profesional, yang dikenakan oleh hospital swasta seperti fi penginapan, fi prosedur kejururawatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan **masih belum** dikawalselia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia buat masa ini.

Walau bagaimanapun, pemantauan ke atas fi yang dikenakan oleh pihak hospital swasta tetap dilakukan oleh hospital swasta dan organisasi jagaan yang diuruskan (MCO) yang dilantik oleh pihak insuran untuk mengurus dan mengendalikan bayaran semula kepada pihak hospital swasta.

Di peringkat hospital swasta, fi profesional yang dikenakan oleh pengamal perubatan atau pergigian swasta dikawal oleh sistem yang dibangunkan oleh pihak hospital swasta sendiri bagi memastikan fi tersebut tidak melebihi fi yang dinyatakan dalam

Jadual Ketiga Belas. Di peringkat organisasi jagaan yang diuruskan, seperti PMCare dan ING, verifikasi dijalankan ke atas setiap tuntutan bayaran yang dibuat ke atas seseorang pesakit oleh pihak hospital swasta dan mana-mana caj yang dianggap melampau termasuk fi profesional dan lain-lain fi yang dikenakan oleh pihak hospital swasta, akan dipersoalkan dan pembayaran akan hanya dibuat setelah mendapat klarifikasi dan didapati munasabah.

Peranan pesakit juga penting untuk memantau sendiri kos perubatan yang dikenakan dengan membandingkan caj keseluruhan yang dibilang kepada pesakit dengan anggaran kos yang telah diberikan kepada pesakit seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 27(1 )(a,), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 yang mengehendaki langkah yang munasabah diambil untuk memastikan bahawa seseorang pesakit, sebagai haknya, diberikan maklumat termasuk kos yang mungkin dikenakan bagi rawatan, penyiasatan atau prosedur yang hendak dijalankan. Selain itu, di bawah perenggan 26(1 )(a), Peraturan-Peraturan yang sama, pesakit juga mempunyai hak untuk diberitahu caj yang dianggarkan bagi perkhidmatan bersesuaian dengan diagnosis awal yang dibuat sebelum memulakan jagaan atau rawatan.

Bagi menjamin ketelusan, Persatuan Hospital Swasta Malaysia telah bersetuju untuk memberikan kerjasama kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan hospital-hospital swasta yang menganggotai persatuan tersebut memuatnaik dan memaparkan bil pesakit bagi pelbagai prosedur bagi memboleh pesakit membuat pilihan rawatan mengikut kemampuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

[SHAH ALAM]

**TARIKH** 16 MAC 2011

**RUJUKAN** 3374

**SOALAN:**

Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan siasatan kes- kes Nurin, Sharlini dan kanak-kanak lain yang hilang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Adakah mereka dilihat sebagai kes-kes yang mempunyai hubungan satu sama lain atau sebaliknya.

*Tuan Yang Dipertua,*  
**JAWAPAN**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kes adik Nurin masih lagi dalam siasatan pihak polis, manakala adik Syarlinie pula masih belum dijumpai. Sehingga 31 Januari 2011, terdapat seramai 54 orang kanak-kanak hilang telah dilaporkan dan kes-kes tersebut tidak mempunyai kaitan di antara satu sama lain. Daripada jumlah tersebut, 51 orang telah dijumpai semula manakala 3 orang lagi masih belum dijumpai. Namun begitu, usaha bagi mengesan kanak-kanak tersebut sentiasa dijalankan oleh pihak polis dari masa ke semasa dengan kerjasama orang ramai.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]

TARIKH 15 MAC 2011

**SOALAN:**

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci asas-asas penolakan penggunaan dakwat kekal (indelible ink) dalam pilihan raya. Sekiranya ia melanggar hak asasi warganegara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, bagaimana dengan pengamalan ISA yang juga bercanggah dengan hak asasi warganegara mendapat pembelaan mahkamah.

**Y.B DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Tujuan utama SPR hendak melaksanakan penggunaan dakwat kekal adalah untuk mempertingkatkan lagi ketelusan atas saranan dan permintaan parti-parti politik di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu, Ini kerana terdapat

**JAWAPAN:** dala penggunaan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa ada pengundi-pengundi yang akan cuba mengundi lebih dari sekali. Justeru itu, dengan penggunaan dakwat kekal ia dapat mengelakkan mana-mana pihak untuk mengundi lebih daripada sekali. Oleh yang demikian, persiapan awal yang sewajarnya untuk melaksanakan cadangan penggunaan dakwat kekal telah dibuat oleh SPR. SPR telah pada dasarnya bersetuju untuk menggunakan dakwat kekal untuk dicalitkan ke atas kuku pengundi sebelum kertas undi diberikan kepadanya. Ini bermakna seseorang yang kukunya telah dicalitkan dengan dakwat kekal tidak boleh diberikan kertas undi.

Untuk membolehkan kaedah yang hendak diperkenalkan ini dilaksanakan, kajian-kajian yang terperinci telah dilakukan, yang berkaitan dengan undang-undang yang perlu digubal, di samping persediaan-persediaan lain yang wajar bagi menjalankan urusan itu. Hasil daripada kajian dan persediaan itu, beberapa masalah yang berkaitan dengan undang-undang, ketenteraman dan keselamatan awam telah dikenal pasti.

Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk mengundi. Ini bermakna bahawa hak ini tidak boleh dinafikan kecuali jika pemilih berdaftar itu hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang. Hak ini merupakan hak asasi seseorang pemilih berdaftar. Undang-undang yang memperuntukkan selainnya adalah *ultra vires* Perkara

119 Perlembagaan Persekutuan. Ini juga bermakna bahawa seseorang yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal atau seseorang yang enggan kukunya dicalit dengan dakwat kekal tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapatkan kertas undi.

Peruntukan undang-undang yang perlu digubal, sekiranya penggunaan dakwat kekal hendak diperkenalkan, tidak boleh menjelaskan hak seseorang pengundi untuk mengundi selaras dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, undang-undang yang digubal itu mesti mengadakan peruntukan untuk membenarkan seseorang pengundi yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal dan seseorang pengundi yang enggan kukunya dicalit, diberi kertas undi.



## **NO. SOALAN :55**

Peruntukan undang-undang yang sedemikian didapati tidak akan mencapai maksud asal SPR memperkenalkan penggunaan dakwat kekal.

Dari sudut praktiknya, jika SPR masih perlu memberikan kertas undi kepada pengundi yang sedemikian, maka kaedah tersebut tidak akan membawa makna atau memberi kesan positif, malah berpotensi besar untuk menimbulkan perselisihan faham serta pertengkaran dan pergaduhan di tempat mengundi.

Di samping itu laporan keselamatan yang diterima juga menunjukkan bahawa SPR perlu mengkaji semula cadangan penggunaan dakwat kekal itu dari sudut ketenteraman dan keselamatan awam. Hasil siasatan terhadap laporan-laporan yang dibuat kepada pihak polis mengesahkan bahawa pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah membeli dakwat dari luar negara. Mereka ini menjalankan aktiviti untuk memujuk dan menyogok orang-orang yang kurang faham dan jelas mengenai penggunaan dakwat kekal untuk mencelit kuku dengan dakwat yang dibeli itu sebelum hari mengundi, terutamanya masyarakat di luar bandar dan pedalaman. Ini bertujuan untuk menimbulkan kekeliruan dan syak wasangka mengenai status pengundi berkenaan. Mereka ini mungkin dianggap telah melakukan suatu kesalahan. Sekiranya pengundi-pengundi itu hadir untuk mengundi pada hari pengundian. Selain itu, kemungkinan



ada di kalangan pengundi yang terpedaya itu tidak akan keluar mengundi kerana takut dianggap telah melakukan suatu kesalahan. Sekiranya pengundi-pengundi itu hadir untuk mengundi, sudah tentu akan timbul keraguan di kalangan ejen calon dan petugas SPR tentang status pengundi-pengundi itu. Ini boleh menyebabkan tercetusnya kekecohan di tempat-tempatt mengundi yang mungkin sukar dikawal jika berlaku secara berleluasa.

SPR memandang serius perkara-perkara yang disebut tadi kerana proses pengundian dan ketenteraman serta keselamatan awam tidak boleh sekali- kali dikompromi.

Berdasarkan nasihat dari segi perundangan dan dari sudut ketenteraman dan keselamatan awam, maka SPR yang bermesyuarat pada 4 Mac 2008 telah memutuskan untuk membatalkan cadangannya untuk memperkenalkan penggunaan dakwat kekal bagi Pilihan Raya Umum Ke- 12 yang lalu. SPR berasa amat dukacita atas keputusan tersebut. Namun begitu, demi menunaikan kewajipan dan tanggungjawabnya dalam menjamin kelancaran proses pengundian serta demi ketenteraman dan keselamatan awam, SPR perlu mengambil keputusan tegas dan muktamad ini.

Walhasil, 48,000 botol dakwat kekal yang telah dibeli dengan harga RM2.4 juta dari India, untuk kegunaan pilihan raya umum ke-12 lepas, tetapi tidak dapat digunakan kerana masalah keselamatan dan perundangan seperti yang telah

dinyatakan tadi, telah dilupuskan pada 25 Oktober 2009, mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Peraturan Kerajaan iaitu melalui proses pembakaran.

Oleh yang demikian, SPR tidak bercadang untuk menimbang semula kaedah penggunaan ‘indelible ink’ pada hari mengundi kerana ia dianggap tidak lagi sesuai untuk digunakan. Namun demikian SPR sedang berusaha mencari kaedah baru yang lebih moden dan boleh diterima oleh semua pihak. Pada masa ini SPR sedang meneliti dan mengkaji penggunaan ‘biometrik’ yang dirasakan sesuai untuk digunakan bagi tuiuan pilihan raya. Namun demikian ia masih lagi di peringkat penelitian yang belum diputuskan kerana perlu melihat dari pelbagai sudut sebelum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : SB '

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG

TARIKH 16 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos sepenuh fasa pertama projek MRT dan sama ada fasa kedua dan ketiga akan dilaksanakan memandangkan Minconsult Sdn. Bhd., syarikat perundingan yang dilantik Kerajaan untuk menjalankan kajian kemungkinan (*feasibility study*) terhadap projek MRT telah mencadangkan pengurangan daripada tiga jaluran MRT kepada satu jaluran.

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kos fasa pertama projek MRT iaitu untuk jajaran MRT dari Sungai Buloh ke Kajang masih di dalam peringkat penilaian rekabentuk asas ataupun (dengan izin) "baseline design review" dan proses memuktamadkan (dengan izin) "Employer's Requirements". Disamping itu, keputusan akhir jajaran setelah semua maklumbalas diterima dan diproses selepas pameran awam yang sedang berlangsung sekarang sehingga 14 Mei 2011 juga akan memainkan peranan di dalam

menentukan kos projek MRT ini. Anggaran yang lebih tepat dijangka akan diketahui menjelang bulan Mei iaitu setelah semua elemen-elemen kos diambilkira dan dimuktamadkan.

Kajian teknikal Minconsult Sdn Bhd adalah atas cadangan pembangunan satu sistem MRT dengan tiga jajaran yang dikemukakan oleh MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd pada awal tahun 2010. Disamping mengsyorkan pindaan jajaran, kajian tersebut juga telah merumuskan bahawa pembinaan jajaran Sungai Buloh- Kajang, yang merupakan cantuman dua jajaran yang dikemukakan oleh MMC-Gamuda JV menjadi satu, boleh dilaksanakan sekarang. Ini adalah kerana jajaran tersebut pernah dicadangkan oleh beberapa pihak termasuk Syarikat Prasarana Negara Bhd pada tahun 2006 dan kajian yang mendalam telahpun dilaksanakan ke atas jajaran tersebut.

Untuk jajaran yang lain, kajian teknikal tersebut telah mencadangkan agar kajian yang lebih mendalam dijalankan sebelum penetapan dan pembinaan jajaran tersebut. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat sedang melaksanakan kajian susulan ini dalam konteks merangka Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur/Klang Valley. Rancangan Pembangunan Rel Bandar (Urban Rail Development Plan), yang merupakan satu komponen Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur/Klang Valley, akan dapat menentukan koridor-koridor MRT yang akan dibangunkan pada masa depan. Kajian fisibiliti yang terperinci juga diperlukan sebelum jajaran-jajaran yang lain dibina. Kajian untuk Rancangan Pembangunan Rel Bandar dijangka akan siap pada hujung bulan Mac 2011.

Sekian. Terima kasih.



No:£7

**INPUT  
PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN  
RAKYAT**

Pertanyaan PERTANYAAN LISAN  
Daripada Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]  
Tarikh Menjawab 16 Mac 2011 [Rabu] [  
Soalan No.jrfsr-7

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membantu peladang kecil-kecilan kelapa sawit seperti benih berkualiti, subsidi baja dan sebagainya bagi menaikkan taraf hidup penduduk desa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang melaksanakan dua skim khas yang telah dilancarkan pada 31 Januari 2011 untuk membantu pekebun-pekebun kecil sawit bebas (*independent smallholder*) di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) sawit.

## **Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil**

2. Di bawah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM112.2 juta. Pekebun kecil sawit yang mempunyai keluasan kurang daripada 40.46 hektar (100 ekar) layak untuk mendapat bantuan. Skim ini bertujuan membantu pekebun kecil menanam semula sawit mereka yang melebihi 25 tahun/tidak produktif.

3. Bantuan kewangan sebanyak RM7,000 sehektar disediakan meliputi aktiviti-aktiviti berikut:

- i. menebang pokok tua dan penyediaan ladang bernilai RM2,000;
- ii. pemberian anak benih berkualiti dan baja fosfat bernilai RM2.000;
- iii. pemberian baja dan racun perosak tahun pertama bernilai RM2,000; dan
- iv. pemberian baja tahun kedua bernilai RM1.000.

4. Di bawah skim ini juga, pekebun kecil yang memiliki keluasan kebun kurang daripada 2.5 hektar juga berkelayakan untuk menerima Bantuan Penyelenggaraan Kebun sebanyak RM500 sebulan selama dua tahun.

## **Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil**

5. Selain itu, pekebun kecil yang bercadang untuk menanam baru sawit, bantuan kewangan turut disediakan di bawah Skim Tanam Baru

Sawit Pekebun Kecil. Di bawah NKEA sawit, peruntukan sebanyak RM28 juta telah disediakan untuk membayai skim ini.

6. Skim ini menyediakan bantuan sebanyak RM7,000 sehektar dan kelayakan adalah terhad kepada keluasan lima hektar sahaja. Bantuan yang disediakan meliputi aktiviti-aktiviti berikut:

- i. pembersihan dan penyediaan kawasan bernilai RM2.000;
- ii. pemberian anak benih berkualiti dan baja fosfat bernilai RM2,000;
- iii. pemberian baja dan racun perosak tahun pertama bernilai RM2.000; dan
- iv. pemberian baja tahun kedua bernilai RM1,000.

## **Skim Diskaun CANTAS**

7. Di samping itu, bagi menggalakkan pekebun kecil dan perladangan sawit mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja, Kerajaan juga menyediakan bantuan pembelian mesin penuai sawit berjentera iaitu CANTAS di bawah Skim Diskaun CANTAS dengan peruntukan dana sebanyak RM6,398,700 yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2010. Di bawah skim ini, pekebun-pekebun kecil yang layak akan diberikan diskon sebanyak RM1.000 untuk pembelian seunit CANTAS. Syarat utama Skim ini adalah pekebun kecil sawit berkenaan perlu mempunyai keluasan minimum kebun seluas dua hektar dan ketinggian pokok sawit sedia ada tidak melebihi tiga meter.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA **SOALAN NO : 58**

PERTANYAAN LISAN

TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [

KULIM BANDAR BARU ]

16 MAC 2011

SOALAN

DARIPADA :

TARIKH Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta MENTERI  
KESIHATAN menyatakan

- (a) dengan kadar bunuh diri yang semakin meningkat pada purata 10/13 orang tiap 100,000 orang (425 orang bagi tempoh Januari-Ogos 2010), apakah langkah pencegahan dan perawatan yang diambil oleh Kerajaan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menubuhkan lebih banyak pusat kaunseling, perlindungan dan rawatan dan memberi latihan khas bagi anggota PDRM untuk berdepan dan menangani masalah pesakit mental ini

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan mula mengumpul data bunuh diri semenjak tahun 2007 melalui Registri Bunuh Diri Kebangsaan atau *National Suicide Registry Malaysia (NSRM)* yang telah ditubuhkan melalui kerjasama Hospital Kuala Lumpur dan

Institut Perubatan Forensik bagi mendaftarkan data bunuh diri di Malaysia. Didapati bahawa dalam tempoh tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 731 kes bunuh diri didaftarkan melalui Registri iaitu *113 kes dalam tahun 2007; 290 kes dalam tahun 2008; dan 328 kes dalam tahun 2009*). Oleh itu, kadar bunuh diri pada tahun 2008 adalah dianggarkan sebanyak 1.3 per 100,000 penduduk dan bukanlah 10/13 orang setiap 100,000 orang seperti yang dinyatakan. Saya ingin nyatakan bahawa kes-kes yang didaftarkan ini merujuk kepada kes bunuh diri yang disahkan secara perubatan (*medically certified*).

Bunuh Diri boleh berlaku akibat beberapa penyebab (*multiphasic causes*) dan bukan hanya mempunyai satu penyebab. Tingkah laku bunuh diri boleh disebabkan oleh faktor yang berkait rapat antara satu sama lain termasuklah faktor biologi, genetik, psikologi, sosio-ekonomi, budaya dan persekitaran. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya bunuh diri adalah :

(a) Stres Psikososial termasuk

- Kemiskinan
- Tiada pekerjaan
- Kegagalan akademik
- Tragedi atau krisis hidup sebagai contohnya kehilangan orang tersayang, masalah perhubungan (*romantic break-ups*), sejarah ahli keluarga yang pernah membunuh diri
- Hutang piutang atau *loan shark phenomena*

(b) Gangguan mental atau psikiatri seperti kemurungan, skizofrenia, penyalahgunaan substans dan alkohol dan gangguan personaliti

Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan perawatan seperti berikut:

(a) Promosi Kesihatan Mental dan Advokasi

Kementerian Kesihatan melalui Program Kesihatan Mental telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi meningkatkan kesedaran awam

melaui Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia semenjak tahun 2000 dan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia semenjak tahun 2004. Aktiviti- aktiviti yang dijalankan termasuklah aktiviti pemerkasaan komuniti dengan memfokuskan kepada memberi kemahiran kepada komuniti menangani stres, forum awam, bengkel, seminar, ceramah di media massa, penulisan artikel di media cetak.

Kementerian telah juga menerbitkan bahan bahan pendidikan kesihatan / I EC (*Information, Education and Communication*) dalam bentuk risalah- risalah dan poster berkaitan kesihatan mental, penyakit mental dan pencegahan bunuh diri bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang penjagaan kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental. Di antaranya adalah risalah dan poster dengan tajuk Cegah Bunuh Diri: “Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan” atau Prevent Suicide: “Saving Lives, Restoring Hope”. Bahan-bahan ini juga diterbitkan dalam Bahasa Cina dan Tamil.

Kementerian juga mewujudkan satu laman web portal kesihatan semenjak tahun 2006 di mana masyarakat boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kesihatan mental, tanda-tanda awal penyakit mental dan pencegahan bunuh diri dengan melayari laman sesawang kementerian di [www.moh.gov.mv](http://www.moh.gov.mv) atau [www.mvhealth.gov.mv](http://www.mvhealth.gov.mv)

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan dengan sokongan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Persatuan Antarabangsa Pencegahan Bunuh Diri (*International Association for Suicide Prevention, IASP*) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri. (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*).

- (e) Kementerian telah menyediakan Garispanduan Pelaporan Media tentang Bunuh Diri di Malaysia (*Guidelines for Media Reporting on Suicide in Malaysia*) dalam tahun 2005 dengan tujuan memberi panduan kepada media tentang pelaporan bunuh diri oleh media. Sebagai contohnya kejadian bunuh diri tidak seharusnya dilaporkan di bahagian muka hadapan surat khabar.
- (f) Kementerian telah menyediakan perkhidmatan psikiatri di empat (4) buah institusi mental dan 42 hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Dari segi kepakaran, sehingga kini terdapat 124 pakar psikitri yang sedang berkhidmat dengan hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Di peringkat kesihatan primer juga, sebanyak 671 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan rawatan susulan pesakit mental. Saringan kesihatan mental untuk tahap stress, keresahan dan kemurungan telah juga dimulakan secara berperingkat di klinik-klinik kesihatan semenjak tahun 2008 dan mereka yangdikenalpasti akan diberi intervensi berpatutan.
- (g) Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan latihan kepada anggota kesihatan primer dalam mengenalpasti tanda-tanda awal individu-individu yang mempunyai kemurungan, masalah mental atau keinginan untuk membunuh diri agar intervensi awal dapat diberi. Sehingga kini, seramai 856 anggota kesihatan peringkat primer telah dilatih mengenalpasti kemurungan menggunakan Modul Latihan “CPG Management of Major Depressive Disorders”.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menuahkan lebih banyak pusat kaunseling, perlindungan atau rawatan. Ini adalah kerana, pusat-pusat kaunseling dan perlindungan telah ada wujud di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Selain itu, terdapat juga beberapa buah badan pertubuhan bukan kerajaan sebagai contohnya, *The Befrienders* yang menawarkan perkhidmatan kaunseling percuma melalui telefon dan e-mel kepada individu yang mempunyai

masalah emosi, murung dan keinginan untuk membunuh diri. Badan ini mempunyai 7 cawangan dan dikendalikan oleh lebih dari 300 orang sukarelawan yang terlatih dalam aspek kaunseling.

Dari segi latihan kepada anggota PDRM, terdapat perancangan dalam Pelan Tindakan & Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh yang sedang dibentuk untuk memperhalusi garispanduan kepada “front liners’ yang tidak hanya khusus kepada anggota polis dalam mengendalikan individu yang berisiko membunuh diri.



PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

TARIKH 16.3.2011 (RABU)

NO. SOALAN

DATO' SRI HAJI St ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
minta MENTERI ST<? PERDAGANGAN  
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah  
FDI (Foreign Direct Investment) yang dicatat oleh negara pada dua  
tahun kebelakangan ini.

Jawapan:

Bagi tahun 2010, sejurnlah 910 projek perkilangan telah diluluskan  
dengan nilai pelaburan sebanyak RM47.2 bilion. Daripada jumlah  
tersebut, RM29.1 bilion (61.7%) merupakan pelaburan asing  
manakala RM18.1 bilion (38.3%) adalah pelaburan domestik.

Lima sumber utama pelaburan asing pada tahun 2010 adalah:

- • Amerika Syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM11.7-bilion;
- © Jepun dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.0 bilion;
- ® Hong Kong dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.8 bilion;
- Singapura dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.2 bilion; dan
- Jerman dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.9 bilion.

Bagi tahun 2009 pula, sejumlah 766 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM32.6 bilion.

Daripada jumlah tersebut, RM22.1bilion (67.8%) merupakan pelaburan asing manakala RM10.5 bilion (32.2%) adalah pelaburan domestik.

Lima sumber utama pelaburan asing pada tahun 2009 adalah:

- Jepun dengan jumlah pelaburan sebanyak RM7.0 bilion;
- Hong Kong dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.3 bilion;
- Amerika Syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.3 bilion;
- Singapura dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.0 bilion; dan



- Taiwan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM716.1 iuta.

Jumlah peningkatan FDI seperti tercatat di atas didorong oleh kevakinan pelabur asing melabur di dalam industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, teknologi tinggi dan berorentasikan kemahiran serta pengetahuan tinggi.

NO. AUP : 4o

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI

[ TANAH MERAH ]

TARIKH 16 MAC 2011

RUJUKAN 3380

**SOALAN:**

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah peruntukan perolehan kelengkapan Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ke-10

(a) senaraikan dalam pecahan jenis, fungsi, bilangan dan

peruntukan perolehan setiap jenis kelengkapan; dan

- (b) pecahan mengikut agensi-agensi.

## **JAWAPAN.**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

(a) dan (b) Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Kementerian Dalam Negeri diperakukan siling peruntukan untuk sektor kelengkapan sebanyak **RM 841,852,187.00**, iaitu projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan projek-projek baru . Bagi projek-projek sambungan RMK-9, siling diperakukan sebanyak **RM 621,163,187.00** dan bagi projek-projek baru RMK-10 pula, diperakukan siling sebanyak **RM 220,689,000**. Perolehan yang diuruskan untuk RMK-10 antaranya adalah peralatan kelengkapan untuk PDRM serta agensi-agensi, kapal terbang bersaiz sederhana, botronda, alat membaca kad pintar (MCAD), sistem ICT dan lain-lain.

Peruntukan yang diperakukan kepada KDN dan agensi-agensi di bawah RMK-10 seperti berikut:-

### **Projek Sambungan RMK-9:**

- |                                 |                  |
|---------------------------------|------------------|
| 1. Agensi Anti Dadah Kebangsaan | RM 12,000,000.00 |
|---------------------------------|------------------|

|                            |                         |
|----------------------------|-------------------------|
| 2. Polis Diraja Malaysia   | RM570,483,187.00        |
| Jabatan Imigresen Malaysia | RM 33,280,000.00        |
| Jabatan Pendaftaran Negara | RM 450,000.00           |
| NKRA                       | RM 4,950,000.00         |
| <b>JUMLAH</b>              | <b>RM621,163,187.00</b> |

### **Proiek-proiek Baru RMK-10:**

Kementerian Dalam Negeri

|                            |                          |
|----------------------------|--------------------------|
| - Bahagian Kawalan Filem   | RM 10,468,000.00         |
| - Bahagian Pembangunan     | RM 30,000,000.00         |
| Polis Diraja Malaysia      | RM 78,000,000.00         |
| Jabatan Imigresen Malaysia | RM 38,000,000.00         |
| Jabatan Pendaftaran Negara | RM 27,058,000.00         |
| NKRA                       | RM 37,163,000.00         |
| <b>JUMLAH</b>              | <b>RM 220,689,000.00</b> |

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

**TARIKH:** 16 MAC 2011

### **SOALAN:**

Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kadar pematuhan majikan yang mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pekerja mereka yang ditakrifkan sebagai pekerja separuh masa semenjak peraturan yang berkaitan diwartakan pada tahun lalu.

Tuan Yang Di Pertua,

PR-000-L42063

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan akta KWSP 1991 adalah terpakai kepada semua 'pekerja' termasuk pekerja-pekerja separuh masa.
2. PERKESO sebagai agensi yang bertanggungjawab kepada keselamatan sosial pekerja dan tanggungan mereka yang layak di liputi AKSP 1969, sentiasa memastikan semua majikan menunaikan tanggungjawab mereka dengan membayar caruman kepada PERKESO. Sehingga Disember 2010 sebanyak 365,055 majikan (aktif) telah berdaftar dengan PERKESO dengan jumlah pekerja (aktif) seramai 5,796,190 orang.
3. Sepanjang tahun 2010, PERKESO telah mengambil tindakan undang-undang keatas 4,452 majikan. Dari jumlah tersebut sebanyak 3,939 majikan telah dikompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM2,342,350.00 meliputi pelbagai kesalahan seperti gagal mendaftar perusahaan, gagal dafitar pekerja dan gagal melaporkan kemalangan. Sebanyak 513 majikan telah didakwa di mahkamah dan telah dikenakan denda sebanyak RM346,730.00 sementara 669 majikan lagi masih dalam proses pendakwaan.
4. Untuk memastikan majikan yang bertanggungan mencarum membayar caruman mengikut undang-undang serta mencarum untuk kesemua pekerjanya sama ada pekerja sepenuh masa atau separuh masa, penguatkuasaan juga akan dibuat melalui 'aktiviti pemeriksaan berjadual' terhadap majikan-majikan oleh pegawai pejabat PERKESO di seluruh negara. Dalam tahun 2010, sebanyak 85,756 majikan telah dilawati melalui pemeriksaan pemeriksaan berjadual yang telah dijalankan di seluruh Negara bagi memastikan mereka mencarum untuk kesemua pekerja mengikut undang-undang. Tunggakan caruman yang berjaya dikutip melalui pemeriksaan berjadual adalah sebanyak RM 22,417,484.83 iaitu bagi

tempoh sepanjang 2010. Di samping itu PERKESO juga telah menjalankan aktiviti mengesan majikan yang tidak mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka (OPS KESAN) dari masa ke semasa.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Berhubung dengan soalan Yang Berhormat, KWSP sebagai pemegang amanah simpanan persaraan ahli, sentiasa memastikan semua majikan menunaikan tanggungjawab mereka dengan membayar caruman kepada KWSP. Setakat Disember 2010 sebanyak 484,822 majikan telah berdafitar dengan KWSP dengan jumlah ahli sebanyak 12.5 juta. Melaiui tindakan penguatkuasaan yang tegas dan berhemah KWSP telah dapat memastikan sebanyak 98.51% majikan adalah patuh untuk membayar caruman mereka dengan teratur yang merangkumi semua jenis pekerja sama ada sepenuh masa atau separuh masa bekerja.

6. Bagi mana-mana majikan yang gagal membayar caruman mereka dengan teratur tindakan penguatkuasaan akan diambil sama ada melalui tindakan pendakwaan di bawah Seksyen 43(2), tindakan guaman sivil di bawah Seksyen 46 dan perintah larangan ke luar negara dibawah Seksyen 39 Akta KWSP 1991.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Sepanjang tahun 2010, KWSP telah mengambil tindakan undang-undang keatas 9,330 majikan yang gagal mencarum dan berjaya memperoleh bayaran tunggakan caruman sebanyak RM68.21 juta melalui perintah mahkamah. Di samping itu, Mahkamah telah mengenakan denda sebanyak RM0.62 juta terhadap majikan-majikan berkenaan.

8. Dalam tahun 2010, sebanyak 49,009 majikan telah dilawati melalui pemeriksaan pemutihan yang telah dijalankan di seluruh negara. Melalui aktiviti tersebut sebanyak 694 syarikat yang belum atau gagal berdaftar dengan KWSP sebagai majikan dikesan dan didaftarkan. Pada masa yang sama terhadap sejumlah 937 majikan sama ada mencarum tidak mengikut kadar berkanun atau mencarum untuk sebahagian pekerja sahaja. Taksiran caruman tertungggak berjumlah RM12.968 juta telah dibuat dan majikan diarahkan untuk

~~Tinjauan yang dilakukan~~. Tindakan Penguatkuasaan termasuk tindakan undang-undang telah diambil keatas majikan dan pengarah-pengarah syarikat serta pemilik pemiagaan yang berkenaan bagi memastikan mereka mencarum untuk kesemua pekerja mengikut undang-undang.

<ml7Mac-7JlpriC11)Has..22.2. l/KfimryC.42063



No. Soalan : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH 16 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) kenapa Malaysia tidak mempunyai satu Dasar Pengangkutan Awam Negara sedangkan negara-negara maju diseluruh dunia mempunyai satu Dasar Pengangkutan Awam sebagai rujukan; dan
- (b) bilakah Malaysia akan menggubal satu Dasar Pengangkutan **Tuan Yang Dipertua,**

Sebelum Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat beroperasi sepenuhnya pada 31 Januari 2011, hal-hal mengenai pengangkutan awam darat dikelolakan oleh sekurang-kurangnya 15 agensi kerajaan serta kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Setiap agensi tersebut mempunyai dasar dan objektif sendiri mengikut bidang kuasa dan peranan masing-masing.

Dengan tertubuhkan SPAD, agensi ini menjadi badan tunggal untuk merangka dasar, merancang, mengawalselia dan menguatkuasa

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

undang-undang mengenai pengangkutan awam darat. SPAD sedang merangka Dasar Pengangkutan Awam Darat Negara dan akan siap pada bulan September 2011.

Sekian, terima kasih.

NO. AUP : 6\$  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]

16 MAC 2011

TARIKH 3378

RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan penduduk asing di Sabah yang diiktirafkan sebagai warga negara Malaysia sejak tahun 1970 sehingga 2010 dan jumlah mereka yang telah dilucutkan taraf kewarganegaraan.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan penduduk asing yang menggunakan alamat Sabah yang dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia sejak tahun 1980 sehingga 2010 adalah sebanyak 4402 orang.

Tuan Yang DiPertua,

Tindakan pelucutan yang diambil terhadap warganegara Malaysia yang telah menjadi warganegara asing atau menggunakan hak kewarganegaraan negara asing adalah jelas terkandung di bawah Perkara 24(1) dan 24(2), Perlembagaan Persekutuan. Memandangkan kes-kes pelucutan ini hanya diproses di Ibu Pejabat JPN di Putrajaya sahaja, maka statistik kes-kes pelucutan bagi negeri Sabah tidak disimpan oleh Kementerian ini, Bagaimanapun, statistik yang ada menunjukkan bahawa tindakan pelucutan yang telah diambil di seluruh Malaysia untuk tempoh yang sama adalah sebanyak 7193 kes.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**NO. SOALAN : 65**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. SITIMARIAH BINTI MAHMUD**

**[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 16 MAC 2011(RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah garis panduan serta etika ahli politik atau ahli Parlimen yang juga memegang jawatan eksekutif dalam Kerajaan mengenai tugas rasmi Kerajaan daripada gerak kerja sebagai ahli politik.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Anggota-anggota Pentadbiran masing-masing telah diedarkan Kod Etika masing-masing.

Walaubagaimanapun, kod etika ini hanya diedarkan kepada Anggota- Anggota Pentadbiran sahaja dan merupakan dokumen terperingkat bertaraf “RAHSIA”. Namun beg itu, kewujudannya ada dinyatakan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN). Kod Etika ini secara dasarnya untuk memantapkan lagi usaha-usaha Kerajaan yang berwawasan, adil dan efesien berteraskan dasar Rukun Negara seperti Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusahaaan.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO.65**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]

**TARIKH :** 16 MAC 2011

**SOALAN**

**Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah adanya usaha atau dana untuk menjalankan kajian saintifik biodiversiti akuatik menyeluruh ke atas sistem Tasik Empangan Bakun untuk mengetahui kesan penutupan empangan ini ke atas biodiversity akuatik terutamanya ikan-ikan yang mempunyai nilai komersial tinggi seperti emparau dan mencadangkan langkah-langkah untuk memastikan kawasan Bakun dapat mengekalkan kekayaan sumber biodiversiti ikan untuk masa yang akan datang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan amat mengambil berat usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan pelbagai sumber biodiversiti negara termasuklah hidupan akuatik. Dalam hal ini, semua projek yang melibatkan habitat semulajadi flora atau fauna perlu mengambil kira usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan bagi memastikan ianya tidak diancam kemusnahan.

Pembinaan Tasik Empangan Bakun di Sarawak turut melibatkan kawasan habitat bagi beberapa spesies flora dan fauna. Oleh itu, kerja-kerja menyelamat spesies fauna di kawasan terlibat telah dijalankan oleh Sarawak Hydro and Sarawak Forestry Corporation

(SFC) di bawah Program Pemantauan dan Menyelamat Hidupan Liar (*Wildlife Monitoring and RescueANMOR*). Semua hidupan liar dan fauna yang terperangkap di pulau-pulau di sekitar kawasan yang terlibat ditangkap dan dipindahkan ke kawasan hutan yang telah dikenalpasti sebagai habitat baru yang sesuai. Berdasarkan rekod SFC, daripada Oktober 2010 sehingga Februari 2011, sejumlah 881 ekor mamalia daripada 40 spesies, 53 ekor reptilia daripada 20 spesies dan 12 ekor burung daripada 12 spesies telah diselamatkan.

Program WiMOR ini juga turut merangkumi usaha-usaha menyelamat spesies- spesies flora. Biji benih daripada spesis terpilih telah dikumpulkan semenjak awal tahun 2010 dan dipindahkan ke nurseri. Sehingga kini, nurseri tersebut telah mempunyai lebih daripada 33,000 biji benih daripada pelbagai spesies seperti engsurai, binatoh, luis, rengas, meranti, engkabang dan meranti. Lebih daripada 13,000 anak pokok telah ditanam di kawasan yang selamat (melebihi paras maksimum empangan). Penanaman spesies terpilih seperti engsurai dapat meningkatkan habitat di kawasan tebing yang mampu menyediakan makanan untuk spesies akuatik dan ikan bernilai tinggi seperti semah.

Selain itu, pihak Kementerian difahamkan pihak Jabatan Pertanian Sarawak akan menjalankan Kajian Pelan Induk dan Kajian Impak Alam Sekitar di bawah projek EPP Bakun pada tahun 2011 dengan peruntukan sebanyak RM500,000. Kajian ini juga akan merangkumi kajian biodiversiti akuatik di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.



**Soalan No : 66**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

|                   |  |
|-------------------|--|
| <b>PERTANYAAN</b> | <b>LISAN</b>                               |
| <b>DARIPADA</b>   | <b>Y.B. DR. TAN SENG GIAW<br/>(KEPONG)</b> |
| <b>TARIKH</b>     | <b>16.03.2011</b>                          |

**SOALAN:**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kos yang sebenarnya yang telah dibelanjakan untuk PPSMI dan cara dan tempoh yang diambil untuk membatalkan secara berperingkat-peringkat. Bagaimana sistem baru akan digunakan dengan berkesan bagi menggantikannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Anggaran kos pelaksanaan PPSMI semenjak dilaksanakan pada tahun 2003 hingga 2011 adalah sebanyak RM6 bilion. Kos tersebut meliputi penyediaan peralatan, latihan guru dan juga Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kabinet memansuhkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) mulai 2009 dan menggantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkuuh Bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah. Dasar ini adalah salah satu bukti kesungguhan Kerajaan untuk memartabatkan Bahasa Malaysia

dan pada masa yang sama, memperkuuh penguasaan Bahasa Inggeris di semua peringkat.

Dasar MBMMBI dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi menyesuaikan murid sekolah dengan dasar baru. Pada tahun 2011, Dasar MBMMBI dilaksanakan bagi murid Tahun 1. Bagi murid Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 pula, pelaksanaan dasar MBMMBI akan bermula pada Tahun 2012 untuk membolehkan Kementerian membuat persiapan yang rapi dengan mengambil kira semua keperluan pengajaran dan pembelajaran disediakan dengan teratur.

### **Pendekatan Pelaksanaan**

#### *I. Soft Landing*

Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap implikasi perubahan dasar ini kepada kohort murid yang terlibat dengan pelaksanaan PPSMI sejak Tahun 2003, pendekatan *soft landing* akan dilaksanakan. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan pencapaian akademik murid tersebut tidak terjejas. Untuk tujuan tersebut, pengajaran dan pembelajaran serta peperiksaan akan dilaksanakan dalam dwi bahasa sehingga kohort terakhir PPSMI tamat pada tahun 2015.

#### *II. Memartabatkan Bahasa Malaysia*

Selain itu, bagi memartabatkan bahasa Malaysia, KPM akan melaksanakan transformasi kurikulum bahasa Malaysia di sekolah rendah dan menengah dengan memberi fokus kepada penguasaan asas kemahiran berbahasa di kalangan murid melalui pendekatan modular yang bersepada, seimbang dan holistik. Modul yang disediakan meliputi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta penguasaan tatabahasa dan seni bahasa. Usaha ini selaras dengan matlamat kerajaan dalam inisiatif NKRA atau Bidang Keberhasilan Utama untuk meningkatkan penguasaan literasi dan numerasi.

*iii. Memperkuuh bahasa Inggeris*

Dalam usaha memperkuuh bahasa Inggeris pula, KPM menggariskan beberapa pendekatan, antaranya;

- Penambahan masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris
- Tranformasi kurikulum Bahasa Inggeris sekolah rendah dan menengah
- Asas berbahasa (*back to basics*)
- Modul *Language Arts*
- Guru: *Contact Time* Berkualiti
- Perkongsian dan jaringan guru
- Meningkatkan kepimpinan sekolah

Kerajaan yakin bahawa pelaksanaan dasar baru ini akan dapat memperkuuh penguasaan bahasa Inggeris yang secara tidak langsung akan meningkatkan keupayaan murid untuk menguasai ilmu termasuklah dalam bidang sains dan teknologi. Dalam masa yang sama juga, bahasa Malaysia dapat dimartabatkan sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara.

Rjm 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI**

[Kuala Nerus]

**TARIKH : 16 Mac 2011**

NO. SOALAN : 67

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan Kerajaan bagi membantu mangsa-mangsa banjir pada awal tahun ini dan apakah bentuk-bentuk bantuan yang diberikan kepada mereka ini.

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Kerajaan telah menyalurkan bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pengurusan mangsa-mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan untuk tujuan bekalan makanan, selimut, tikar, keperluan harian dan alat-alat kebersihan diri. Jumlah keseluruhan peruntukan

bagi menampung keperluan ini adalah sebanyak RM27,938,057.00.

- 2) Bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir apabila mereka pulang ke rumah, kerajaan telah menyalurkan bantuan wang ihsan sebanyak RM500 untuk setiap keluarga mangsa banjir. Sejumlah **RM24,866,000.00** telah diagihkan kepada mangsa banjir yang berlaku pada akhir tahun 2010 dan awal tahun 2011. Perincian agihan wang mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <b>Bil</b>    | <b>NEGERI</b> | <b>BANTUAN</b>         | <b>JUMLAH KELUARGA</b> |
|---------------|---------------|------------------------|------------------------|
| 1             | Kedah         | RM15,474,000.00        | 30,948                 |
| 2             | Perlis        | RM8,273,500.00         | 16,547                 |
| 3             | Terengganu    | RM701,000.00           | 1,402                  |
| 4             | Kelantan      | RM70,500.00            | 141                    |
| 5             | Sabah         | RM48,500.00            | 70                     |
| 6             | Melaka        | RM15,000.00            | 21                     |
| 7             | Johor         | RM52,000.00            | 104                    |
| 8             | Pahang        | RM231,500.00           | 463                    |
| <b>JUMLAH</b> |               | <b>RM24,866,000.00</b> | <b>49,696</b>          |

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**                    **LISAN**

**DARIPADA**                :     **PUAN CHONG ENG**

[BUKIT MERTAJAM]

**TARIKH**                :     **16MAC 2011**

**SOALAN**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci status terkini Rancangan Tebatan Banjir di kawasan Bukit Mertajam, termasuk yang melibatkan Sungai Rambai dan Sungai Juru.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan "Projek Pembersihan Sungai Juru" dengan peruntukan sebanyak RM1.9 juta. Projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- i. Kerja-kerja mendalam dan mengorek Sg. Rambai (anak Sg. Juru) sepanjang 8 km dengan kos RM900,000;
- ii. Kerja-kerja mendalam dan mengorek Sg. Juru sepanjang 4 km dan pengorekan kuala Sg. Juru dengan kos RM800.00; dan



- iii. Pembinaan stesen kualiti air bagi tujuan pemantauan kualiti air Sg. Juru dengan kos RM200,000.

Selain itu, pihak JPS sedang merancangkan pelaksanaan projek "Pembersihan dan Rawatan Air Sungai Juru" di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sejumlah RM 15 juta telah dipohon dan pelaksanaannya dirancangkan secara 2 peringkat '*Rolling Plan*', iaitu *Rolling Plan* pertama dan *Rolling Plan* kedua. Untuk *Rolling Plan* pertama iaitu, dalam tempoh tahun 2011 sehingga 2012, pihak JPS telah diperuntukkan RM 2 juta manakala selebihnya iaitu, RM 15 juta akan dipohon dalam *Rolling Plan* kedua (2012 - 2013).

Skop projek adalah pembersihan dasar sungai-sungai dalam sistem Sg.Juru daripada sisa dan kelodak akibat punca pencemaran, mengurangkan punca-punca pencemaran dengan kerja pemasangan GPT dan kerja-kerja rawatan air bagi meningkatkan kualiti air sungai dari Kelas IV kepada Kelas III , mengurangkan impak banjir akibat limpahan sungai dengan menjalankan kerja-kerja pengorekan sungai, pengindahan tebing dan koridor sungai di Sungai Juru dan cabangnya iaitu Sungai Rambai.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

LISAN

DARIPADA

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

KAWASAN

SELAYANG

**TARIKH**

**16.03.2011**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**NO. SOALAN  
PERTANYAAN**

Tuan William Leong Jee Keen minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kesan positif dan negatif daripada FTA dengan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah kepada Perniagaan Pengusaha Kecil dan Sederhana (SME) di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Setelah lapan pusingan, rundingan terhadap Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat (*Malaysia-US Free Trade Agreement - MUSFTA*) telah ditangguhkan. Rundingan FTA yang melibatkan pihak Amerika Syarikat kini tertumpu kepada rundingan Perkongsian Ekonomi Trans-Pasifik atau dengan izin, *Trans-Pacific Partnership* (TPP). Kedua-dua rundingan TPP dan dengan Kesatuan Eropah adalah di peringkat awal.

Tuan yang Di Pertua,

Kerajaan sememangnya telah menjalankan kajian kemungkinan yang menyeluruh sebelum memutuskan untuk menyertai rundingan TPP. Ini termasuk mengadakan sesionsultasi dengan pelbagai pihak atau *stakeholders*, dengan izin, yang merangkumi Kerajaan, badan bukan Kerajaan dan pihak swasta termasuk Pengusaha Kecii dan Sederhana,. Ini telah dilaksanakan bukan sahaja bagi mengenalpasti kos dan manfaat ekonomi serta implikasi kepada industri dalam menyertai rundingan TPP, malah ianya bagi membantu menyediakan pendirian dan strategi Malaysia semasa rundingan,

Kajian dan hasil konsultansi perlu dikekalkan kerahsiaannya buat masa ini untuk memastikan pendirian dan strategi Malaysia tidak diketahui anggota-anggota TPP yang lain.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat dalam melindungi hak rakyat serta industri dan peniaga tempatan semasa merundingkan FTA. Kerajaan hanya akan merundingkan sesuatu FTA sekiranya ianya memberi faedah kepada rakyat dan negara keseluruhannya.